

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DIDALAM DEWAN (SOALAN NO. 9
HINGGA 72)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8
[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

Nuraishah Abdullah
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA

SOALAN NO : 9

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARI PAD A PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
 [BATANG SADONG]**

TARIKH 13 MAC 2012

SOALAN

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk memberi perkhidmatan mamogram kepada wanita-wanita di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjalankan pengesanan awal kanser payu dara kepada wanita di luar bandar di klinik kesihatan dan klinik desa melalui pemeriksaan klinikal payu dara. Sekiranya wanita tersebut mempunyai masalah seperti ketulan pada payu dara, beliau akan dirujuk ke hospital untuk siasatan lanjut. Wanita yang tidak mempunyai sebarang masalah tetapi mempunyai kriteria risiko untuk mengidap kanser payu dara, juga akan dirujuk ke hospital Kerajaan untuk pemeriksaan mamogram.

Sehingga kini, terdapat sebanyak 37 buah hospital Kementerian Kesihatan di seluruh negara yang mempunyai kemudahan mamogram. Pada tahun

2010, seramai 911,040 wanita telah menjalani pemeriksaan klinikal payu dara di klinik kesihatan dan klinik desa, di mana sebanyak 0.1 peratus (727 orang) telah dirujuk ke hospital untuk siasatan lanjut. Manakala pada tahun

2011, seramai 1,047,511 wanita diperiksa, dan sebanyak 0.06 peratus (690 orang) memerlukan rujukan ke hospital.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARI PAD A	Y.B. PUAN CHONG ENG (BUKIT MERTAJAM)
TARIKH	13.03.2012

SOALAN:

Y.B. PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) berapakah gaji harian yang diberikan kepada guru sementara yang memegang Sijil UEC (Unified Examination Certificate) dan guru sementara yang memegang Sijil SPM; dan
- (b) apakah puncanya masalah kekurangan guru yang masih tidak dapat diselesaikan dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian bagi menyelesaikan masalah kekurangan guru ini dan bilakah akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan anggota perkhidmatan awam termasuklah guru sementara dan guru ganti adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak pernah melantik guru sementara dengan menggunakan kelayakan lulusan **Unified Examination Certificate** (UEC). Seterusnya, berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil 3/2011, kadar upah pekerja sambilan harian termasuk guru ganti bagi lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) adalah sebanyak RM54.00 sehari.

Soalan No : 10

Sementara itu, KPM juga telah membayar gaji guru interim seperti kelayakan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) sebelum ini.

Buat masa ini sebenarnya Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak menghadapi masalah kekurangan guru di sekolah kebangsaan kecuali untuk subjek tertentu sahaja di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Untuk makluman Ahli yang Berhormat, antara punca berlakunya kekurangan guru di SJKC adalah faktor kekurangan bekalan guru yang berkelayakan dalam bahasa Mandarin untuk mengajar di SJKC. Bagi menangani isu kekurangan guru di SJKC, KPM telah melaksanakan beberapa langkah iaitu:

- i) Menubuhkan Jawatankuasa Khas Menangani Isu Kekurangan Guru di SJKC. Sehingga kini sebanyak dua (2) mesyuarat telah diadakan untuk mendapatkan satu penyelesaian yang terbaik dalam waktu terdekat.
- ii) Mencadangkan Penempatan Semula (**Redeployment**) guru Bahasa Malaysia dari SK ke SJKC Gred A dan B sahaja untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia di Tahun 3 hingga Tahun 6.
- iii) Mencadangkan supaya guru opsyen Pengajian Cina di SJKC yang telah lama mengajar mata pelajaran lain lebih dari lima (5) tahun (contohnya Matematik dan Sains) diberikan latihan tambah opsyen melalui Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO).
- iv) Melulus sejumlah 4,407 jawatan di sekolah menengah untuk diisi secara sementara oleh calon guru yang mempunyai kelayakan ikhtisas pendidikan tetapi belum dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) sebagai guru interim sehingga 15 April 2012.

- v) Melulus sejumlah 1,848 jawatan di SJKC dan 128 jawatan di SJKT untuk diisi secara sementara oleh guru interim sehingga bekalan guru tetap dapat dibekalkan oleh SPP.

Rjm
01

SOALAN NO. 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ

[SRI GADING]

TARIKH 13 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

YB Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah pusat asuhan kanak-kanak yang masih belum berdaftar dan apakah usaha dan tindakan kepada pusat asuhan yang masih ingkar berdaftar dengan pihak Kerajaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertanggungjawab menguruskan pendaftaran Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA). Pendaftaran ini penting supaya TASKA yang beroperasi mematuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh JKM, demi pembangunan dan perkembangan awal kanak-kanak selain mementingkan aspek keselamatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak bulan Julai 2008 hingga bulan Januari 2012, JKM telah mengesan sebanyak 2,339 buah TASKA yang belum berdaftar di seluruh negara. Maklumat ini diperolehi daripada Pasukan Petugas Khas JKM di peringkat daerah yang ditugaskan untuk mengenal pasti TASKA yang tidak berdaftar selain memberi khidmat nasihat kepada pihak pengusaha berhubung proses pendaftaran TASKA.

Bagi menggalakkan pengusaha mendaftarkan TASKA, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh JKM. Antaranya ialah: menubuhkan pusat

sehenti (OSC) yang berfungsi sebagai platform penyelarasan antara agensi teknikal iaitu pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Kesihatan serta Jabatan Bomba dan Penyelamat bagi mencari jalan penyelesaian dengan mudah dan cepat berkaitan isu-isu penubuhan dan pendaftaran TASKA;

mengadakan Kempen Jom Daftar TASKA mulai bulan Jun 2011 hingga 31 Disember 2011 untuk memberi kesedaran kepada pengusaha tentang kepentingan pendaftaran TASKA. Hasilnya, sehingga bulan Februari 2012, pendaftaran TASKA telah meningkat kepada 900 buah berbanding 485 buah pada tahun 2010. Perkara ini merupakan peningkatan sebanyak 86%;

penurunan kuasa bagi meluluskan perakuan pendaftaran TASKA daripada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia kepada Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri bagi mengurangkan karenah birokrasi selain mempercepatkan proses pendaftaran;

iv. menambah tempoh sah perakuan pendaftaran daripada 1 tahun (12 bulan) kepada 5 tahun (60 bulan) bagi mengurangkan beban pengusaha untuk memohon perakuan pendaftaran setiap tahun;

- v. mengadakan perjumpaan dengan pengusaha TASKA tidak berdaftar untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pengusaha dari semasa ke semasa;
- vi. memberi subsidi sebanyak RM180 kepada pengusaha TASKA bagi menghantar setiap pengasuh TASKA mengikuti Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak (KAAK) di bawah Insentif 1 Malaysia; dan
- vii. mewujudkan Portal eZI2CARE bagi membolehkan orang ramai khususnya pengusaha atau pengasuh TASKA membuat permohonan menghadiri KAAK dengan mana-mana agensi latihan yang diiktiraf oleh JKM secara dalam talian (**online**).

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung usaha penguatkuasaan ke atas TASKA yang tidak berdaftar, JKM menggunakan pendekatan berhemah dalam fasa permulaan penguatkuasaan. Pada tahun 2011, JKM telah mengeluarkan surat peringatan kepada 77 buah TASKA, surat peringatan kedua kepada 12 buah TASKA dan surat peringatan ketiga kepada 2 buah TASKA yang tidak berdaftar. Selain itu, tindakan lak (atau **seal**) telah diambil ke atas sebuah TASKA yang tidak berdaftar.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan pemeriksaan yang dijalankan oleh pegawai JKM yang diberi kuasa, didapati punca TASKA tidak berdaftar adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- i. pengusaha TASKA tidak dapat memenuhi syarat dan peraturan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang ketat khususnya mendapatkan kebenaran merancang dan tukar syarat guna bangunan daripada status kediaman kepada komersial;
- ii. kos yang tinggi untuk mendapatkan perkhidmatan perunding PBT bagi urusan kebenaran merancang dan menukar syarat penggunaan bangunan. Ramai pengusaha tidak mampu untuk menampung kos perunding yang tinggi kerana kekurangan modal disebabkan rata-rata pengusaha TASKA bermodal kecil;
- iii. tidak dapat memenuhi syarat yang menghendaki pengasuh hadir Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak (KAAK) seperti termaktub dalam Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 serta Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak (Di-Institusi)I 985. Didapati kebanyakan pengusaha TASKA yang baru beroperasi tiada

kesedaran tentang kepentingan KAAK. Tanpa menghadiri KAAK ini, **standard** minimum dalam aspek pengasuhan yang amat diperlukan untuk merangsang perkembangan kanak-kanak tidak dapat disediakan; dan

- iv. kegagalan menyediakan pengasuh yang mencukupi berdasarkan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (pindaan 2007).

Sebagai kesimpulan, KPWKM yakin hasil usaha advokasi secara berterusan JKM dan tindakan penguatkuasaan undang-undang, akan mendorong lebih ramai pengusaha TASKA untuk tampil mendaftarkan TASKA masing-masing.

SOALAN NO: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PADA

**TUAN AMRAN BIN AB GHANI
[TANAH MERAH]**

TARIKH

13 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan:

- (a) dengan terperinci syarat-syarat yang dikenakan kepada syarikat telekomunikasi apabila memuat turun lagu di telefon bimbit supaya ianya memberikan pulangan yang seimbang kepada pihak penerbit dan juga tenaga kreatif; dan
- (b) apakah satu tarif tetap yang lebih adil akan disyaratkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Semua lagu yang dijual termasuk melalui muat turun ke telefon bimbit adalah tertakluk kepada Akta Hak Cipta dan juga ada pembayaran royalti. Kadar pembayaran royalti adalah berdasarkan perjanjian komersial antara telco dan syarikat rakaman/artis dan ia tidak dikawal

SOALAN NO: 12

selia di mana ianya ditentukan berdasarkan perundingan di antara pihak yang terbabit.

Penentuan harga bagi produk kreatif adalah berdasarkan beberapa perkara seperti kualiti, populariti bagi penyanyi, pelakon, pengarah dan sebagainya dan untuk lagu pula, ianya ditentukan berdasarkan jumlah permintaan muat turun oleh pengguna. Sekiranya penyanyi dan lagu tersebut adalah popular, mereka boleh meminta harga atau peratusan yang tinggi kerana kuasa bida di tangan mereka.

NO. SOALAN : 13

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN

LISAN

DARI PAD A

DATUK HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI DOLAH [IGAN]

TARIKH

13.03.2012 (SELASA)

DATUK HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI DOLAH [IGAN] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan mengapakah kedai 1 Malaysia dimonopoli oleh hanya status syarikat tempatan iaitu Mydin. Tidakkah Kerajaan sedar bahawa 80% produk Tesco adalah juga keluaran anak tempatan yang kebanyakannya Bumiputera. Tidakkah akan menjatuhkan kualiti barang, mengapakah syarikat lain seperti Giant dan Tesco tidak dibenarkan menyertai projek kedai 1 Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah menawarkan pelaksanaan KR1M kepada pengusaha hypermarket tempatan dan asing serta Dewan/Persatuan-persatuan perniagan, walau bagaimanapun memandangkan pelaksanaan KR1M adalah tidak berdasarkan keuntungan, hanya pihak Mydin Mohammed Holding Berhad sahaja yang bersetuju.

/V/0-P0/H/bY-Vy
NO AUM

~~NO~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]

TARIKH : 13 MAC 2012

RUJUKAN 4433

SOALAN :

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan prinsip Undang-undang Antarabangsa bagi Kerajaan untuk mengekstradisikan Muhammad Najeeb A. Kashgari apabila tiadanya perjanjian ekstradisi dengan Saudi Arabia.
JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Selayang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini,

Walaupun Malaysia tidak mempunyai perjanjian ekstradisi dengan Arab Saudi, kerajaan Malaysia mempunyai peruntukan undang-undang untuk memenuhi permintaan pihak berkuasa negara tersebut bagi menahan seorang warganya yang dikehendaki pihak berkuasa serta dideportasi ke Arab Saudi.

Dalam kes Muhammad Najeeb A. Kashgari, beliau dihantar pulang ke negara asalnya berdasarkan satu Perintah Pengusiran yang telah dikeluarkan oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia dibawah Seksyen 56(2) Akta Imigresen 1959/63.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARI PAD A Y.B. TUAN LIANG TECK MENG
(SIMPANG RENGGAM)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH 13.03.2012

Y.B. TUAN LIANG TECK MENG (SIMPANG RENGGAM) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

Rancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk menghadapi senario ekonomi dunia yang tidak menentu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedia maklum bahawa senario ekonomi dunia yang tidak menentu akan memberi impak ke atas ekonomi Malaysia. Sehubungan itu, bagi mengurangkan impak negatif kepada ekonomi negara, Kerajaan

merancakkan aktiviti ekonomi domestik dengan melaksanakan pelbagai program dan projek ekonomi sama ada jangka pendek dan jangka panjang. Ini melibatkan usaha-usaha mencergas pelaburan swasta serta mengekalkan perbelanjaan penggunaan swasta yang kukuh.

Pelaburan swasta dijangka meningkat 15.9 peratus, disokong oleh peningkatan pelaburan domestik dan asing di bawah pelaksanaan projek ETP dan ***Rolling Plan*** Kedua (RP-Kedua) di bawah Rancangan Malaysia Ke-10.

Bagi program jangka pendek, melalui Bajet 2012 yang dibentangkan pada 7 Oktober 2011, Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM232.8 bilion bagi perbelanjaan pembangunan dan mengurus. Usaha bagi merancakkan ekonomi domestik dimantapkan lagi dengan pelaksanaan Pakej Rangsangan Khas berjumlah RM6 bilion yang dibiayai melalui ***Private Financing Initiative*** (PFI). Melalui kaedah ini, projek awam untuk kesejahteraan rakyat seperti penambahbaikan dan penyelenggaraan sekolah, rancangan tebatan banjir dan penaiktarafan infrastruktur asas lubar bandar dapat dilaksanakan.

Bagi menarik minat pelabur asing yang semakin mencabar berikutan suasana ekonomi dunia yang tidak menentu, Kerajaan telah meliberalisasi 17 subsektor perkhidmatan termasuk hospital swasta, perkhidmatan pakar perubatan, pergigian, kurier dan telekomunikasi.

Kerajaan juga akan terus mempergiat aktiviti perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang menyumbang 31 peratus daripada KDNK, 56 peratus kepada tenaga kerja dan 19 peratus daripada eksport. Sehubungan itu, satu skim Dana Pembiayaan PKS yang patuh syariah berjumlah RM2 bilion akan diwujudkan dan dikendalikan oleh bank-bank Islam terpilih. Bagi menghidupkan peluang bagi PKS yang gagal disebabkan oleh faktor luar kawalan seperti kos dam kemelesetan

ekonomi, Kerajaan akan mewujudkan **SME Revitalisation Fund**.

Kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai program khusus untuk rakyat terutama dalam meringankan beban kehidupan dalam menghadapi persekitaran ekonomi yang mencabar. Ini termasuk pemberian Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) sebanyak RM500 kepada isi rumah berpendapatan bulanan RM3000, bantuan persekolahan sebanyak RM100 untuk kepada semua pelajar sekolah

rendah dan menengah dari Tahun 1 hingga Tingkatan 5 di seluruh negara dan pemberian baucar buku bernilai RM200 kepada semua pelajar warganegara Malaysia di IPTA dan IPTS. Baru-baru ini, Kerajaan juga telah melancarkan Rural Transformation Centre (RTC) di Gopeng yang akan meningkatkan pendapatan masyarakat desa. RTC berperanan sebagai pusat sehenti bagi mendapatkan pelbagai perkhidmatan Kerajaan di luar bandar dan juga sebagai pusat dan perniagaan serta pengumpulan hasil pertanian.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain pelbagai program jangka pendek yang diumumkan dalam Bajet 2012, Kerajaan juga akan melaksanakan pelbagai projek jangka panjang yang memberi manfaat kepada rakyat serta mampu menghadapi senario ekonomi dunia yang mencabar. Projek-projek ini akan dilaksanakan di bawah pelbagai program seperti Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Program Transformasi Kerajaan (GTP), Digital Malaysia, Program Transformasi Luar Bandar (RTC) dan banyak lagi.

Di bawah **Rolling Plan** Kedua, sebanyak RM98.4 bilion ringgit telah diperuntukkan. Daripada jumlah ini, sebanyak RM49.2 bilion diperuntukkan pada tahun ini manakala selebihnya akan diperuntukkan

pada tahun 2013. Antara projek yang akan dilaksanakan adalah landasan kereta api berkembar Gemas - Johor Bahru, Projek Lebuhraya Pantai Timur Jabor - Kuala Terengganu, Lebuhraya Central Spine dan pembangunan semula Panglalan Undara Sungai Besi Kuala Lumpur.

Kerajaan juga akan merancakkan lagi pembangunan wilayah koridor sebagai pemangkin ekonomi negara. Antara projek yang akan

dijalankan termasuk lebuh raya persisiran pantai Johor Bahru - Nusa Jaya di Iskandar, Johor, projek agropolitan Besut di Wiiayah Ekonomi Pantai Timur, projek kelompok industri berdasarkan kelapa sawit di Wiiayah Koridor Sabah serta projek bekalan air Samalaju di Wiiayah Koridor Sarawak. Bagi tujuan ini, Bajet 2012 telah memperuntukkan sebanyak RM978 juta bagi pembangunan di lima wiiayah koridor. Selain itu, harga komoditi yang kukuh akan membantu menjamin pendapatan serta menyokong perbelanjaan penggunaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah jelas bahawa Kerajaan mempunyai pelan yang jelas melalui rancangan jangka pendek dan panjang bagi mengurangkan impak negatif ketidaktentuan global terhadap ekonomi negara. Selain itu, Kerajaan akan sentiasa memantau keadaan ekonomi global dan mengambil tindakan sewajarnya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN

[KINABATANGAN]

TARIKH

13 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :

SOALAN NO: 16

- (a) langkah Kerajaan dalam memastikan perkhidmatan maksima yang ditawarkan oleh stesen berbayar televisyen di negara ini; dan
- (b) sama ada terdapat cadangan untuk membuka secara liberal kepada umum agar perkhidmatan stesen berbayar televisyen di negara ini lebih berkualiti.

JAWAPAN:

(a) SKMM mengawal selia dan memantau prestasi pembekal perkhidmatan (termasuk TV Berbayar ASTRO) dengan menetapkan kualiti standard perkhidmatan. Kualiti perkhidmatan piawaian diwujudkan untuk memastikan bahawa pengguna diberi tahap yang memuaskan, perkhidmatan yang memenuhi standard minimum dan boleh diterima, serta untuk melindungi dan meningkatkan hak pengguna untuk mendapatkan perkhidmatan yang berkualiti.

Sehubungan dengan itu, SKMM telah menguatkuasakan Standard Mandatori untuk Mutu Perkhidmatan (Perkhidmatan Aplikasi Kandungan) pada 1 Januari 2003 yang mesti dipatuhi oleh penyedia perkhidmatan Aplikasi Kandungan. Melalui standard ini, pembekal perkhidmatan berkenaan wajib mematuhi standard-standard tertentu seperti:

1. ketersediaan perkhidmatan ('service availability')
2. prestasi pengebilan
3. pengendalian aduan am pelanggan

Selain itu, SKMM juga mengadakan perbincangan secara berterusan untuk memastikan tahap kualiti perkhidmatan dapat ditingkatkan dari

SOALAN NO: 16

semasa ke semasa. Ia juga menggalakkan tahap keyakinan pengguna dalam penyampaian perkhidmatan daripada industri yang tinggi dan memastikan bahawa jangkaan pengguna secara berkesan dilindungi.

(b) Pihak kerajaan sangat mengalu-alukan peningkatan jumlah pengendali siaran televisyen berbayar dan sentiasa memastikan bahawa permohonan untuk lesen pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan dimudahcarakan untuk tujuan ini dengan syarat bahawa semua kriteria kelayakan untuk lesen tersebut dipenuhi oleh pemohon.

Pihak Kerajaan juga berpandangan bahawa dengan adanya lebih banyak pengendali siaran televisyen berbayar, peluang kepada penerbit-penerbit kandungan tempatan untuk memaparkan kandungan

SOALAN NO: 16

mereka akan bertambah dan secara langsung memajukan industri kandungan tempatan.

Mereka boleh menyediakan perkhidmatan mereka melalui pelbagai teknologi seperti **Internet Protocol Television** dan Television Mudahalih (**Mobile TV**), kabel dan sebagainya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE (SETIU)

TARIKH 13 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

YB Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sejauh manakah seriusnya kes-kes perceraian yang berpunca daripada masalah suami dan isteri yang curang dan sila nyatakan apakah punca kepada **trend** berkenaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin akan kepentingan untuk mengukuhkan ikatan perkahwinan sebagai teras kepada kesejahteraan keluarga. Sehubungan itu Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah menjalankan Kajian Penduduk Keluarga Malaysia 2004 (KPKM-4). Antara dapatan kajian ini mendapati punca utama penceraian adalah tiada persefahaman (41.8%), curang (6.0%), enggan dimadu (6.0%) dan tidak bertanggungjawab (11.4%).

Selain itu, kajian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun 2005 terhadap 3,312 pasangan mendapati hanya 0.6% suami dan 1.8% isteri berlaku curang terhadap pasangan masing-masing.

Berdasarkan kepada kes-kes kaunseling yang telah dikendalikan oleh kaunselor di agensi-agensi KPWKM, adalah didapati antara punca kecurangan suami isteri adalah seperti kurangnya perhatian dan

penghargaan daripada pasangan, tiada persefahaman, penyalahgunaan media sosial, pengaruh rakan dan pergaulan bebas serta masalah lemah tenaga batin.

Bagi menangani isu keruntuhan rumah tangga, Dasar Keluarga Negara (DKN) yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada bulan Disember 2010 menjadi panduan kepada semua pihak yang berkepentingan untuk mengutamakan kesejahteraan keluarga daripada pelbagai aspek, khususnya bio-fizikal, ekonomi, sosio-psikologikal, kerohanian serta persekitaran yang sihat dan selamat.

Kementerian ini melalui LPPKN telah melaksanakan pelbagai usaha bagi memantapkan institusi keluarga melalui program pendidikan pengetahuan dan kemahiran perkahwinan serta khidmat sokongan kekeluargaan seperti berikut:

- a) Melaksanakan program SMARTSTART kepada pasangan yang akan dan baru berkahwin (kurang 5 tahun) sejak tahun 2006 sebagai inisiatif KPWKM untuk mengukuhkan hubungan suami

isteri.

Sehingga bulan Disember 2011, sejumlah 415 program telah dilaksanakan, melibatkan penyertaan seramai 7,135 pasangan;

- b) Bagi membantu pasangan mengimbangi tuntutan keluarga dan kerjaya serta menangani konflik keluarga, program Keluarga@Kerja telah diperkenalkan pada tahun 2007. Kini program ini diperluaskan pelaksanaannya ke pejabat-pejabat sektor awam, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Bagi tempoh 2007 hingga bulan Disember 2011, sejumlah 459 program telah dilaksanakan, melibatkan penyertaan seramai 19,856 orang ibu bapa;

- c) Perkhidmatan kaunseling secara **outreach** turut diberikan oleh KPWKM bagi membantu pasangan yang menghadapi konflik. Pendekatan ini telah disediakan melalui 2 agensi utama di bawahnya yang mempunyai 17 orang kaunselor tetap dan 67 orang kaunselor panel di Pusat Keluarga LPPKN dan 186 orang kaunselor di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah di seluruh negara; dan

d) LPPKN akan memperkenalkan pendekatan terapi dan mediasi secara rintis di 3 buah AIRIS LPPKN (Anjung Interaktif, Rekreasi, Intervensi dan Sokongan Keluarga) supaya pasangan tidak memilih perceraian sebagai satu kaedah penyelesaian konflik.

A/o' f^oA-C/VA/
NO. AUIVL

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUANGWO-BURNELOH [KELANA JAYA]

TARIKH 13 MAC 2012

RUJUKAN 4632

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan hasil siasatan pihakpolis melalui laporan polis SG WAY/002008/08 pada 25 Februari 2008 berkenaan dengan pengundi hantu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kelana Jaya yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, hasil semakan berhubung repot polis seperti yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat telah dibuat pada 25 Februari 2008 dan ia adalah laporan polis berkenaan seorang perempuan melayu yang menyatakan ketidakpuasan hatinya kerana telah menerima kertas kempen pilihanraya untuk penama seorang lelaki melayu yang dialamatkan ke alamatnya sejak tahun 2004. Pengadu tidak mengenali penama dan mengesahkan bahawa penama tersebut tidak tinggal di alamat pengadu. Siasatan mendapati tiada unsur-unsur jenayah di dalam laporan polis tersebut.

NO SOALAN s

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

19

O

DARI PADA

**Y.B. TAN SRI TENGKU RAZALEIGH BIN
TENGKU HAMZAH
LISAN (GUA MUSANG)**

PERTANYAAN

TARIKH

13.03.2012

**Y.B. TAN SRI TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU HAMZAH [
GUA MUSANG]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kemajuan dan prestasi kewangan hasil pelaburan berjuta-juta ringgit dalam Syarikat Invent "Q" Jaya setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua, Untuk makluman Yang Berhormat, projek InventQJaya (IQJ) yang dijalankan oleh Syarikat InventQjaya Sdn Bhd (IQj Sdn Bhd) telah pun ditamatkan operasinya pada tahun 2005 dan kini dalam siasatan yang sedang dikendalikan oleh jabatan Peguam Negara. Pada masa ini, IQJ Sdn Bhd dikendalikan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia manakala Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta juga telah menilai aset-aset milik IQJ Sdn Bhd selaras dengan langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Insolvensi Malaysia. Kementerian Kewangan pada masa ini sedang mendapat pandangan daripada Jabatan Peguam Negara untuk mendapat semula baki pinjaman dalam akaun bank yang disita di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Akta 613) dan hasil pelupusan aset-aset IQJ Sdn Bhd yang dimasukkan ke dalam akaun di bawah nama Akauntan Kanan Perbendaharaan, Kementerian Dalam

NO SOALAN :20

Negeri.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA **Y.B. TUAN HEE LOY SIAN**

PERTANYAAN **(PETALING JAYA SELATAN)**
LISAN

TARIKH **13.03.2012**
Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan

- a) Sejauh manakah kejayaan pembinaan skim perumahan seperti "Skim Rumah Pertamaku", "Rumah Mampu Milik" dan "Rumah Mesra Rakyat"; dan
- b) Apakah rancangan Kerajaan supaya rakyat berpendapatan rendah di bandar mampu memiliki rumah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, **Skim Rumah Pertamaku** merupakan skim untuk membantu golongan muda yang baru bekerja dan berpendapatan tidak lebih daripada RM3,000 sebulan untuk memiliki rumah pertama mereka. Skim ini membolehkan golongan muda untuk mendapat pembiayaan sehingga 100% daripada institusi-institusi kewangan untuk membeli rumah pertama mereka tanpa perlu membayar 10% wang pendahuluan. Skim ini adalah sejajar dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan pemilikan rumah di kalangan rakyat Malaysia. Sehingga Januari

NO SOALAN :22

2012, sejumlah 1,623 permohonan yang bernilai RM238.9 juta telah diterima untuk mendapatkan jaminan di bawah Skim Rumah Pertamaku. Daripada jumlah tersebut, 280 pinjaman telah diberikan jaminan dengan nilai RM41.1 juta.

Bagi pelaksanaan **Rumah Mampu Milik** (RMM), sehingga Januari 2012, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah melaksanakan sebanyak 56 buah projek yang melibatkan 37,757 unit pelbagai jenis rumah iaitu rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan kos sederhana. Bagi program **Rumah Mesra Rakyat** (RMR) SPNB telah berjaya menyiapkan 17,749 unit RMR di seluruh Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, pelbagai usaha dan rancangan telah direncanakan oleh Kerajaan bagi memastikan golongan berpendapatan rendah di bandar mampu memiliki rumah. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), Kerajaan telah mensasarkan pembinaan sebanyak 78,000 unit Rumah Kos Rendah awam (RKR) di seluruh negara di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Program Bantuan Rumah (PBR).

Sehingga Januari 2012, sebanyak 32,762 unit rumah PPR yang melibatkan 25 projek telah siap dibina dan 2,100 unit sedang di dalam pembinaan di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi menampung kekurangan rumah kos rendah di kawasan Lembah Klang. Selain itu, pembinaan RKR oleh pemaju-pemaju perumahan swasta mengikut kuota yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri juga telah dapat membantu meningkatkan pemilikan rumah oleh golongan berpendapatan rendah di bandar-bandar seluruh negara. Sehubungan itu, bagi memastikan hasrat Kerajaan supaya rakyat berpendapatan rendah mampu memiliki rumah, Kerajaan-kerajaan Negeri turut memainkan peranan penting dalam membantu rakyat di negeri masing-masing.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR

 BIN HAJI SALLEH [KALABAカン]

TARIKH 13 MAC 2012 (SELASA)

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]

minta PERDANA MENTERI menyatakan :

- (a) berapa banyakkah dan berapa nilai projek dibawah program Koridor Pembangunan Sabah (SDC) yang telah dilaksanakan dan berapa banyak yang ditawarkan melalui lantikan secara rundingan terus; dan
- (b) siapakah yang mempunyai kuasa untuk memutuskan pelantikan kontraktor pelaksana projek dibawah program ini dan siapakah yang melantik pihak yang berkuasa ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi soalan (a), di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9), sebanyak 54 projek utama yang terdiri daripada 216 sub-projek dibawah Koridor Pembangunan

Sabah

(SDC) yang telah dilaksanakan berjumlah RM1.251 bilion. Manakala bagi projek-projek di dalam RMKe-10 ***Rolling*** Plan Pertama sebanyak 2 projek yang bernilai RM41.65 juta dilaksanakan dan ditawarkan secara tender terbuka. Kesemua projek dilaksanakan secara tender dan tiada secara rundingan terus.

Bagi soalan (b), untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, semua projek/program yang melalui proses-proses tender terbuka, Lembaga Perolehan SEDIA merupakan badan yang mempunyai kuasa bagi perlantikan kontraktor pelaksana untuk projek/program SDC dan Ahli- ahli Lembaga Perolehan SEDIA adalah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SOALAN 22

PERTANYAAN

**LISA
N**

DARI PADA

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]**

TARIKH

13 MAC 2012

SOALAN

**Meminta MENTERI
PELANCONGAN menyatakan:**

Pecahan peserta “Malaysia My Second Home” (MM2H) mengikut negara dan jantina. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menarik permohonan orang asing untuk menjadi peserta MM2H dan apakah halangan yang dihadapi oleh Kementerian dalam usaha ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Seputeh, sejak 2002 hingga 2011, seramai 17,203 orang warganegara asing daripada 119 buah negara telah menyertai Program “Malaysia Rumah Kedua Ku” (MM2H). Penyertaan warganegara asing yang tertinggi adalah daripada 10 buah negara seperti berikut:-

Bil.	Negara	Jumlah (2002- 2011)
1.	China	2,857
2.	Bangladesh	2,082
3.	United Kingdom	1,789
4.	Jepun	1,629
5.	Iran	1,037
6.	Singapura	804
7.	Taiwan	724
8.	Pakistan	698
9.	India	631
10.	Korea	613

Berdasarkan kepada profil peserta yang diwujudkan sejak tahun 2007 yang meliputi seramai 8,479 peserta, 90.6% adalah merupakan peserta lelaki, manakala selebihnya iaitu 9.4% adalah peserta wanita.

Malaysia telah mendapat pengiktirafan antarabangsa iaitu disenaraikan sebagai negara yang ke-4 terbaik dalam senarai ***Global Retirement Index: The World's Top 10 Retirement Havens oleh International Living.com*** dan terbaik di Asia. Ini adalah merupakan hasil yang diperoleh daripada pelbagai usaha yang telah diambil oleh Kementerian

Pelancongan Malaysia dan Tourism Malaysia dalam mempromosikan Program MM2H yang merangkumi langkah-langkah seperti yang berikut:-

- i) Memasukkan Program MM2H dalam **ucapan Menteri Pelancongan** sewaktu beliau berucap di persidangan antarabangsa ataupun tempatan bagi mempromosikan program ini;
- ii) Mempromosikan Program MM2H melalui program pengiklanan Tourism Malaysia di mana program MM2H juga diselitkan dalam '**global buy**' Tourism Malaysia;
- iii) Menggalakkan pengusaha-pengusaha pelancongan negara luar untuk menawarkan "**MM2H Inspection Tours**" kepada para pelancong yang berminat untuk menginap secara jangka panjang atau '**long-stay**' di Malaysia;
- iv) Bekerjasama dengan **akhbar-akhbar tempatan di pasaran sasaran** bagi menjemput warganegara asing yang berpotensi untuk menghadiri seminar MM2H;
- v) Menyertai **pameran 'Inap Jangka panjang, persaraan serta gaya hidup'** di negara luar bagi meningkatkan kesedaran warganegara asing terhadap program MM2H;
- vi) Bekerjasama dengan **Institusi kewangan tempatan di pasaran sasaran** bagi menganjurkan seminar MM2H kepada pelanggan yang berminat dalam '**relocation programme**' atau

bersara di negara luar seperti Malaysia;

- vii) Memberi **taklimat MM2H kepada kumpulan / tetamu asing** yang berminat mengetahui program MM2H sewaktu lawatan mereka ke Malaysia, termasuk peserta persidangan dan pameran;
- viii) Menerima **temu bual media akhbar, majalah dan stesen televisyen asing** mengenai program MM2H;
- ix) Membangunkan **laman web MM2H dalam pelbagai bahasa asing** bagi memudahkan warganegara asing memahami Program MM2H;
- x) Bekerjasama dengan peserta-peserta MM2H untuk menyediakan **bahan promosi yang bersifat ‘testimonial’ dalam bentuk DVD serta risalah dan buku** yang menggambarkan pengalaman hidup mereka di Malaysia bagi tujuan pengedaran kepada para warganegara asing yang berminat terhadap program ini;
- xi) Mengedarkan **risalah MM2H** kepada para peserta MICE di persidangan-persidangan yang dianjurkan di Malaysia; dan
- xii) Menggalakkan syarikat-syarikat MM2H yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan untuk **bekerjasama dengan syarikat pelancongan ataupun agen-agen negara luar** untuk memasarkan program MM2H.

Antara halangan utama yang dihadapi oleh Kementerian Pelancongan

dalam meyakinkan warga negara asing bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang aman dan stabil bagi mereka menginap dalam jangka masa yang panjang adalah seperti apabila berlakunya sebarang demonstrasi jalanan, maka ia akan memberi kesan yang negatif ke atas usaha yang dijalankan.

NO. SOALAN: 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI**

PERTANYAAN	MENTERI KESIHATAN MALAYSIA
DARIPADA	LISAN
TARIKH	DATO' HENRY SUM AGONG
SOALAN	[LAWAS] 13 MAC 2012

Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilakah kerja-kerja fasa pertama hospital baru daerah Lawas bermula dan siapakah kontraktor yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua,

Pembinaan hospital baru Daerah Lawas akan dilaksanakan secara berfasa. Memandangkan hospital baru akan dibina di atas tapak sedia ada, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu memindahkan beberapa fasiliti ke lot rumah kedai untuk secara sementara bagi membolehkan beberapa bangunan hospital sedia ada yang terlibat dalam pembinaan hospital baru dirobohkan. Sehubungan dengan itu, kerja-kerja Fasa pertama yang melibatkan kerja-kerja ubahsuai lot rumah kedai.

Bagi kerja-kerja fasa pertama hospital baru Daerah Lawas, mesyuarat rundingan harga telah diadakan pada 10 Februari 2012 dan keputusan rundingan harga telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan pada 6 Mac 2012 untuk dimuktamadkan. Surat Setuju Terima (SST) dijangka dikeluarkan kepada UEM Berhad pada April 2012

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS,
TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN
DAHLAN [KOTA
BELUD]**

TARIKH : 13 MAC 2012

SOALAN

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

menyatakan apakah status terkini bekalan air di Kota Belud dan peratusan liputan bekalan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

NO SOALAN : 26

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Tahun 2011 dan 2012, terdapat 49 Projek Bekalan Air Luar bandar (BALB) di kawasan Kota Belud yang dilaksanakan dengan anggaran kos berjumlah RM104.76 juta. Sehingga kini, 2 projek telah siap sepenuhnya dan telah memberi manfaat kepada 400 buah rumah. Bakinya 47 projek masih dalam pembinaan dan dijangka siap sepnuhnya selewat-lewatnya pada Januari 2013.

Untuk makluman Yang berhormat juga, sehingga kini, peratusan liputan bekalan air di kawasan luar bandar Kota Belud telah mencapai 58%.

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**DATUK SIRINGAN BIN GUBAT
[RANAU]**

TARIKH

13 MAC 2012

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan kebuntuan proses pelaksanaan jambatan Sungai Keremuok Kawasan N.29 Kundasang. Walaupun pada suatu masa dahulu kelulusan peruntukan ditawarkan kepada sebuah syarikat tetapi tidak dapat diteruskan. Apakah langkah diambil pihak Kementerian memandangkan penduduk kampung sekitarnya menuntut pelaksanaannya dengan segera.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

NO SOALAN : 27

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini Kementerian belum menerima sebaran permohonan daripada pihak berkuasa Kerajaan Negeri Sabah berhubung cadangan pembinaan jalan jambatan Sungai Keremouk Kawasan N.29 Kundasang.

Namun begitu, Kementerian telah menyenaraikan projek tersebut di bawah RMKe-10 (***Rolling Plan III***) dan jika peruntukan diluluskan, pelaksanaannya dijangka pada tahun 2013 hingga 2015.

NO SOALAN :

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW
(KEPONG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13.03.2012

Y.B. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jenis dan jumlah keseluruhan subsidi yang dihulurkan setiap tahun dan apakah masalah yang timbul di dalam pengurusan pelbagai subsidi ini.

*

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM26.65 bilion pada tahun 2011 bagi membiayai subsidi dan sebanyak RM22.52 bilion telah disediakan pada tahun 2012 bagi tujuan yang sama.

2. Peruntukan subsidi bagi tahun 2011 dan 2012 berdasarkan komponen peruntukan terbesar adalah seperti berikut:

BIL	JENIS SUBSIDI	(RM JUTA)	
		PERBELANJAAN 2011	PERUNTUKAN 2012
1.	Subsidi Gas Cecair (LPG), Diesel dan Petrol	20,375.02	17,000.00
2.	Subsidi Harga Padi	430.00	480.00

BIL	JENIS SUBSIDI	(RM JUTA)	
		PERBELANJAAN 2011	PERUNTUKAN 2012
3.	Subsidi Baja Padi	756.31	409.06
4.	Subsidi Benih Padi Sah	74.83	85.00
5.	Subsidi Harga Beras (Jenis beras ST 15) Subsidi Pembelian Beras Import Bagi Penyeragaman Harga Beras Sabah/Sarawak	655.69	488.00
6.	Dasar Jaminan Bekalan Makanan		■ ■
7.	Skim Penstabilan Minyak Masak (COSS)	1,564.21	1,523.36
8.	Subsidi Gula	262.40	200.00
9.	Subsidi Tepung Gandum	129.12	113.00
10.	Pampasan Tol	300.00	343.00
11.	Pengangkutan Udara Luar Bandar	251.74	164.68
12.	Pengangkutan Rel Pantai Timur	20.00	30.00
13.	Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Subsidi Faedah)	130.68	160.00
14.	Subsidi Perbezaan Kadar Faedah	1,153.73	1,372.84
15.	Subsidi Kadar Elektrik (RM 20)	145.62	150.00

2. Dalam menguruskan pelbagai subsidi ini, masalah yang kerap timbul adalah masalah ketirisan yang menyebabkan terdapat pihak yang tidak layak mendapat kemudahan tersebut. Namun begitu, Kerajaan sentiasa melaksanakan pelbagai langkah kawalan bagi meningkatkan keberkesanan agihan pemberian subsidi supaya objektif pemberian subsidi

dapat dicapai.

Selain daripada itu, Kerajaan juga melaksanakan langkah merasionalisasikan pemberian subsidi secara berterusan termasuk menyemak tujuan dan kadar pemberian subsidi, mengenal pasti kumpulan sasaran dengan lebih tepat, menyusun semula subsidi bagi mengelakkan pertindihan serta memperbaiki sistem pengagihan/penyaluran subsidi.

NO. SOALAN: 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

: LISAN

PERTANYAAN : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] :
DARIPADA 13 MAC 2012
TARIKH

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci mengenai langkah untuk mengagihkan kepentingan 10 syarikat di bawah Khazanah Nasional dan Permodalan Nasional Berhad bukan perniagaan utama kepada syarikat-syarikat Bumiputera dan syarikat bukan Bumiputera yang dikendalikan oleh TERAJU melalui tawaran terbuka dan bagaimanakah pengagihan secara adil ini dibuat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Proses pelupusan syarikat-syarikat bukan teras Khazanah Nasional dan Permodalan Nasional Berhad akan dikendalikan sendiri oleh kedua-dua agensi ini. Ini adalah kerana proses ini memerlukan kelulusan pihak Lembaga Pengarah dan pihak-pihak lain yang berkaitan. Proses pelupusan ini akan melibatkan anak-anak syarikat dibawah penguasaan Khazanah Nasional dan Permodalan Nasional Berhad. Dalam kata lain, syarikat-syarikat yang bakal dilupuskan adalah merupakan syarikat-syarikat tahap kedua yang terlibat didalam perniagaan bukan teras syarikat-syarikat utama tersebut. TERAJU merupakan sebuah unit yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaras dan memantau proses

tersebut dan bertindak melaporkan segala perkembangan kepada Majlis Tindakan Agenda Bumiputera (MTAB). Proses ini melibatkan antara lain, pengumuman syarikat-syarikat yang bakal dilupuskan, pra kelayakan pembida, proses penilaian dan pemilihan serta pengumuman keputusan pembida yang berjaya. Proses ini dijangka dapat diselesaikan di antara enam hingga ke lapan bulan selepas pengumuman syarikat-syarikat yang akan dilupuskan.

NO. SOALAN : 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]

TARIKH

13.03.2012 (SELASA)

DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan apakah langkah-langkah pihak Kementerian dalam menangani isu penggunaan kulit babi dalam produk pengeluaran barang kulit di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sedang mengubal satu perundangan subsidiari yang khusus di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 bagi menangani isu penggunaan kulit babi dalam produk pengeluaran kulit. Perundangan yang dicadangkan akan mewajibkan semua barang-barang yang di buat daripada kulit atau bulu babi atau anjing diwajibkan di tandakan oleh peniaga bahawa barang-barang itu diperbuat daripada asal kulit babi atau anjing.

Perundangan yang dicadangkan ini di peringkat perbincangan dengan pihak agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) serta persatuan peniaga untuk

mendapatkan pandangan dan maklum balas dan dijangka akan dikuatkuasakan dalam tahun ini.

Walau bagaimanapun, secara pentadbiran, pihak peniaga diarahkan dan dinasihatkan untuk menandakan dan mengasingkan barang-barang kulit yang di buat daripada asal babi daripada barang-barang kulit yang di buat daripada kulit selain babi.

NO. SOALAN : 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB. TAN SRI DATUK SERI DR. FONG
CHAN ONN
[ALOR GAJAH]

TARIKH JAWAPAN :
DI DEWAN RAKYAT

13 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan apakah tindakan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian untuk

menarik lebih pelaburan hijau ke negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah memperkenalkan beberapa insentif fiskal dalam usaha untuk menarik lebih banyak pelaburan hijau ke Malaysia seperti Taraf Perintis (**Pioneer Status**), Elaun Cukai Pelaburan (**Investment Tax Allowance**) dan juga pengecualian duti import serta cukai jualan ke atas peralatan cekap tenaga dan peralatan untuk menjana Tenaga Boleh Baharu atau Renewable Energy.

Ke arah mencapai matlamat ekonomi rendah karbon, Kerajaan menggalakkan lagi pembinaan serta penggunaan bangunan hijau di Malaysia. Sehubungan ini, Kerajaan telah menyediakan insentif kewangan kepada pemilik-pemilik bangunan yang memperolehi sijil **Green Building Index** (GBI) mulai 24 Oktober 2009 hingga 31 Disember 2014 dalam bentuk pengecualian cukai pendapatan bersamaan perbelanjaan modal tambahan bagi memperoleh sijil berkenaan. Di samping itu, pembeli yang membeli bangunan dan rumah kediaman yang telah mendapat sijil GBI daripada pemaju hartanah adalah diberi

pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik. Amaun pengecualian adalah bersamaan dengan kos tambahan bagi memperoleh sijil berkenaan. Pengecualian ini layak bagi pembeli yang menyempurnakan perjanjian jual beli mulai 24 Oktober 2009 hingga 31 Disember 2014.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Semenjak Januari 2010, Kerajaan juga telah memperuntukkan RM1.5 bilion bagi satu dana pinjaman mudah yang dikenali sebagai Skim Pembiayaan Teknologi Hijau atau **Green Technology Financing Scheme** (GTFS) kepada syarikat pengeluar dan pengguna teknologi hijau dalam usaha memajukan pembekalan dan penggunaan teknologi hijau dalam negara. Bagi syarikat pengeluar, pinjaman maksimum yang boleh dibuat adalah sebanyak RM50 juta manakala bagi syarikat pengguna adalah sebanyak RM10 juta. Keistimewaan yang diberi di bawah skim ini adalah Kerajaan akan menanggung dua peratus faedah daripada kadar faedah yang ditawarkan oleh pihak institusi perbankan. Kerajaan juga menawarkan jaminan ke atas 60 peratus jumlah pinjaman sementara baki 40% ditanggung oleh pihak bank yang memberi pinjaman.

Di samping itu, pihak Kerajaan juga telah memperkenalkan mekanisma

Feed-in-Tariff (FiT) yang membolehkan tenaga elektrik yang dihasilkan daripada sumber Tenaga Boleh Baharu (**Renewable Energy**) seperti **solar photovoltaic** (solar PV) oleh pemilik bangunan dijual kepada syarikat utiliti bekalan elektrik iaitu TNB dan SESB pada kadar harga jualan “premium” untuk satu tempoh yang telah ditetapkan.

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan **International Greentech & Eco-products Exhibition & Conference Malaysia** (IGEM) dalam menarik pelaburan hijau ke negara. Bagi tahun 2011, sambutan pengunjung terhadap Pameran IGEM2011 adalah menggalakkan di mana seramai 68,105 pengunjung yang terdiri daripada 54,677 pengunjung perniagaan (**trade visitor**) dan 13,428 orang awam telah mengunjungi pameran sepanjang empat (4) hari ianya dijalankan. Kesemua 610 **booth** yang ditawarkan telah habis dibeli oleh 353 syarikat yang terdiri daripada 190 syarikat tempatan dan 163 syarikat luar negara. Sebanyak 12 Perjanjian Persefahaman (Moll) antara syarikat antarabangsa dengan syarikat tempatan, institusi pengajian tinggi dan penyelidikan serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dalam pelbagai bidang teknologi hijau turut juga telah dimuktamadkan semasa Pameran IGEM2011 berlangsung. Di samping itu, sebanyak tujuh (7) **Business**

Matching Sessions juga telah berlangsung sempena IGEM2011. Jumlah keseluruhan transaksi perniagaan dan pewujudan peluang perniagaan yang dilaporkan bagi kesemua **Business Matching Sessions** tersebut adalah sebanyak RM1.35 billion yang melibatkan sebanyak 11 syarikat tempatan dan 39 syarikat luar negara.

Selaras dengan perkembangan dan keperluan dalam memperkuuhkan pembangunan teknologi hijau, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, dari semasa ke semasa akan mengkaji dan mencadangkan insentif atau galakan lain yang boleh dipertimbangkan dan diberikan untuk menarik lebih banyak pelaburan hijau ke dalam negara.

NO SOALAN s

TARIKH

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

59

O

DARIPADA

**Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD RAM LI
(KUALA KRAI)**

PERTANYAAN

LISAN

13.03.2012

Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI [KUALA KRAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana barang dari Israel dikatakan boleh berada di dalam pasaran Malaysia.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, larangan mutlak ke atas pengimportan barang dari Israel yang diletakkan di Jadual Pertama Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) telah dipinda ke Larangan Bersyarat di bawah Jadual Kedua Perintah yang sama pada 26 Mei 1994. Selaras dengan ini, semua barang yang diimport dari Israel kini dibenarkan tertakluk kepada Lesen Import dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

SOALAN NO: 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA

[PADANG TERAP]

TARIKH 13 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan asalah liputan WiFi, 3G dan telefon bimbit yang berlaku di sekitar Padang Terap dan usaha-usaha yang diambil untuk mengatasinya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi Parlimen Padang Terap, terdapat 24 buah kampung yang terpilih di bawah Projek Kampung Tanpa Wayar (Kampung WiFi) merangkumi 16 buah kampung di dalam Dun Kuala Nerang dan 8 buah kampung di dalam Dun Pedu. Perkhidmatan WiFi yang ditawarkan melalui projek KTW dipantau secara sepenuhnya oleh pihak pemberi perkhidmatan yang dilantik dengan kerjasama Pejabat Wilayah Suruhanjaya

SOALAN NO: 33

Komunikasi & Multimedia Malaysia (SKMM).

SOALAN NO: 33

Orang ramai boleh membuat aduan mengenai perkhidmatan WiFi di bawah projek Kampung Tanpa Wayar dengan merujuk kepada papan tanda yang disediakan di setiap lokasi Kampung Tanpa Wayar yang mengandungi nombor telefon Pejabat Wiiayah SKMM berserta nombor telefon pemberi perkhidmatan yang dilantik.

Pada masa kini kadar liputan populasi bagi selular di kawasan Parlimen Padang Terap ialah 93.47%. Sebagai usaha berterusan, kerajaan telah merancang untuk membina sebanyak 17 menara lagi di Parlimen Padang Terap di bawah Program Time 3. Dengan siapnya menara- menara ini yang dijangkakan sebelum penghujung tahun 2012, kadar liputan populasi di Parlimen Padang Terap akan ditingkatkan kepada 93.87%.

Pihak Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menekankan kepada syarikat pemberi perkhidmatan yang dilantik bagi memastikan liputan perkhidmatan yang ditawarkan berada dalam tahap yang baik dan memuaskan sepanjang masa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN

KAWASAN JEMPOL

TARIKH 13 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN NO.: 34

SOALAN:

Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN (JEMPOL) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah jalan raya bertol seluruh negara; dan
- (b) berapakah kos yang perlu dibayar oleh Kerajaan seandainya semua tol ini hendak dihapuskan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat 27 buah lebuh raya bertol yang sedang beroperasi di negara ini. Di samping itu, terdapat juga 5 buah lebuh raya baru yang sedang dalam peringkat pembinaan manakala 8 buah lebuh raya lagi sedang dalam peringkat perancangan.

(b) Cadangan pengambilaihan kesemua konsesi lebuh raya bertol yang sedang beroperasi di negara ini dijangka akan melibatkan anggaran kos ke hadapan (*upfront*) sebanyak RM45 billion. Jumlah itu tidak termasuk lain-lain tanggungan kos seperti kos operasi, kos kewangan dan kos modal masa hadapan yang dianggarkan 4 hingga 5 kali ganda lebih tinggi daripada kos *upfront*. Kos bagi tujuan pengambilaihan konsesi tol akan melibatkan peruntukan Kerajaan yang diperoleh daripada hasil pembayaran cukai rakyat secara keseluruhan sedangkan manfaat daripada pengambilaihan itu akan dinikmati oleh sebahagian kecil sahaja, iaitu 34% daripada jumlah keseluruhan pemandu berlesen atau 13.8% daripada jumlah penduduk negara ini.

Sehubungan itu, Kerajaan setakat ini tidak berhasrat untuk mengambil alih konsesi lebuh raya bertol seperti yang dicadangkan oleh pihak-pihak tertentu. Sebaliknya Kerajaan daripada masa ke semasa akan sentiasa mengkaji dan melaksanakan langkah-langkah penyelesaian yang lebih praktikal dan pragmatik bagi memastikan kadar tol tidak membebankan pengguna dalam situasi ekonomi masa kini.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA

DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]

TARIKH 13 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN 35

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan bilakah hasil keputusan kajian hukuman mandatori terhadap pemandu yang menyebabkan kemalangan maut akan diperolehi memandangkan pada tahun 2011 sahaja sejumlah 178,698 kes kemalangan jalan raya telah direkodkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Seksyen 41 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987, telah memperuntukkan hukuman penjara mandatori terhadap mereka yang memandu secara berbahaya hingga mengakibatkan

kemalangan maut di jalan raya. Berdasarkan peruntukan tersebut, hukuman penjara yang dikenakan adalah tidak kurang daripada dua tahun dan tidak lebih sepuluh tahun serta didenda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak melebihi daripada dua puluh ribu ringgit. Di samping itu, mereka yang disabitkan kesalahan juga akan hilang kelayakan daripada memegang lesen memandu.

Tuan Yang Dipertua,

Buat masa ini, keperluan untuk menjalankan kajian tidak begitu mendesak memandangkan peruntukan undang-undang sedia ada adalah mencukupi dan telah memperuntukkan hukuman penjara mandatori terhadap pemandu yang menyebabkan kemalangan maut. Sungguhpun demikian, Kerajaan bersedia menerima apa-apa cadangan atau menjalankan kajian mengikut keperluan khususnya bagi memantapkan penguatkuasaan.

Soalan No : 37

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN
Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK
(SIK)

TARIKH

13.03.2012

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK] minta Menteri Pelajaran menyatakan jelaskan mengapa berlakunya penyelewengan akidah dan bertambahnya kes jenayah di kalangan belia hari ini adalah kerana ketidak berkesanan subjek pendidikan Islam dan Moral di sekolah yang di ajar sebagai satu pelajaran akademik, tidakkah pihak Kementerian berhasrat untuk mengkaji semula silibus subjek ini supaya unsur-unsur akidah dapat di terap melalui program amali, kem-kem ibadah dan interaksi dengan rumah-rumah ibadat (masjid dan surau) serta ulama tempatan untuk membentuk akidah dan tingkah laku pelajar yang terpuji.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) ingin menegaskan bahawa punca penglibatan golongan belia dan remaja dalam kegiatan tidak bermoral termasuk kes jenayah harus dilihat secara menyeluruh dan tidak semata-mata kepada silibus subjek Pendidikan Islam dan Moral. Hal ini kerana punca-punca kepada isu tersebut adalah kompleks. Antara faktor yang menjadi punca adalah latar belakang kehidupan sosial mereka, masalah keluarga, pengaruh media termasuk media alternatif, pengaruh rakan sebaya termasuk sikap kepedulian masyarakat kita. Disebabkan itulah KPM melaksanakan pelbagai langkah dan aktiviti untuk memastikan murid-murid terkawal daripada melakukan perkara-

perkara yang tidak bermoral. Pelaksanaan tersebut diterapkan dalam pembentukan kurikulum dan juga kokurikulum serta program-program khusus yang dimasukkan dalam pentadbiran hal ehwal murid di semua sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi murid-murid Islam, KPM sentiasa memberi penekanan dalam bidang pembelajaran akidah dengan menjadi salah satu bidang yang wajib dipelajari di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Pendidikan akidah juga diterapkan melalui pembelajaran al Quran, hadis, ibadah, sirah dan adab. Semakan kurikulum Pendidikan Islam melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah memberikan penekanan kepada pengajaran akidah dan bidang-bidang lain dalam Pendidikan Islam. Pelaksanaan secara amali turut diadakan sama ada di kelas, masjid atau surau bagi meningkatkan penghayatan dalam kalangan murid. Seterusnya asas-asas tersebut diperkasa, diperkuuh dan dimantapkan melalui program j-QAF. Melalui program ini murid-murid telah dibimbing sehingga khatam al-Quran, dipulih dan diasuh sehingga menguasai tulisan dan bacaan Jawi, dilatih dan dididik sehingga bijak solat, serta didedah dan dipupuk sehingga menguasai asas bahasa Arab. Penguasaan dan penghayatan murid terhadap akidah, amalan dan akhlak digarap dalam aktiviti kokurikulum seperti kem solat bestari, kem pemulihan, kem ibadah dan sebagainya. Semuanya dilaksanakan adalah untuk memantapkan akidah dan amalan beragama dengan menzahirkan tingkah laku yang terpuji dalam kalangan murid Islam.

Mata pelajaran Pendidikan Moral yang diperkenalkan kepada murid-murid bukan Islam di peringkat sekolah rendah dan menengah pula bertujuan untuk membentuk insan yang berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global. Murid didedahkan dengan aspek pengetahuan termasuk sebab akibat sesuatu gejala sosial atau jenayah dan cara mengatasinya dengan membentuk

Soalan No : 39

diri sebagai insan yang berakhhlak mulia. Murid juga diberi kemahiran membuat

keputusan untuk mengelakkan diri daripada terlibat dengan jenayah. Murid diharapkan dapat mengamalkan nilai-nilai yang dipelajari ketika mengendalikan aktiviti kerja amal seperti aktiviti gotong royong, lawatan ke rumah orang tua dan anak yatim.

Demikianlah kesungguhan KPM dalam melahirkan insan yang baik, yang kukuh akidah dan berbudi pekerti mulia. Namun apa yang sebaliknya berlaku seperti yang didakwa adalah diluar jangkawan KPM dan memohon pihak-pihak berkaitan turut sama membantu membendung gejala penyelewengan akidah dan jenayah dalam kalangan belia.

Rjm 02

NO. SOALAN: 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]

TARIKH

13 MAC 2012

SOALAN

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah natijah yang sebenar yang membolehkan syarikat-syarikat berpautan dengan Syed Mokhtar Al-Bukhary diberi kepentingan mutlak dalam bidang-bidang kritikal seperti bekalan makanan (beras dan gula), penjanaan tenaga elektrik (Malakoff), automobil (DRB-Hicom), infrastruktur (IJM dan Gamuda), pelabuhan (PTP dan Lapangan Terbang Senai) dan sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Semenjak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, sudah wujud kumpulan bumiputera yang berkemampuan dan mempunyai kebolehan untuk mengambil bahagian dalam sektor-sektor strategik seperti tenaga, automobil, infrastruktur dan sebagainya. Pencapaian ini merupakan satu kebanggaan kepada negara. Pada masa ini Kerajaan

memberi sokongan dan memberi peluang sama rata kepada semua syarikat bumiputera dan bukan bumiputera yang berkemampuan untuk melibatkan diri dalam bidang-bidang yang dinyatakan. Salah satu faktor yang diambilkira dalam perkara ini adalah '**track record**' syarikat-syarikat dalam projek-projek yang pernah dilaksanakan sebelum ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN
 IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]

TARIKH JAWAPAN : 13 MAC 2012 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan adakah kajian pernah dibuat untuk membandingkan kadar guna elektrik di Malaysia dan jika ada, adakah perbandingan kadar guna elektrik dibuat dengan negara lain untuk menilai kecelikan guna elektrik di Malaysia.
JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

NO. SOALAN: 39

Kadar penggunaan elektrik di Malaysia direkodkan secara tahunan dan dilaporkan dalam Laporan Imbalan Tenaga Negara (atau **National Energy Balance** dengan izin).

Analisis bagi kegunaan elektrik per kapita dilakukan dari semasa ke semasa berpandukan jumlah kegunaan elektrik, jumlah penduduk dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di Malaysia. Selain daripada itu, Suruhanjaya Tenaga menggunakan hasil analisis oleh International Energy Agency (IEA) sebagai rujukan dalam membuat perbandingan kadar guna elektrik di negara-negara ASEAN .

NO. SOALAN : 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF

TARIKH 13 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [BALIK PULAU] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah tangkapan bot pukat tunda haram serta jumlah pegawai maritim dan kemudahan yang disediakan untuk mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN

Tuan Yang Dipertua,

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) mula beroperasi pada 30 November 2005 dengan pelancaran Operasi SATRIA UTARA berbekalkan dengan hanya tiga buah kapal ronda bekas kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), iaitu KM SIPADAN, KM SEGANTANG dan KM KUKUP serta pengisian perjawatan ketika itu dengan hanya seramai 1,187 orang (29.5%) daripada 4,026 perjawatan yang diluluskan. Detik ini melakarkan mulanya APMM beroperasi di Zon Maritim Malaysia di mana kapal-kapal putih ini mengibarkan panji-panji biru APMM dengan megahnya melaksanakan peranan yang dipertanggungjawabkan dalam serba kekurangan.

Dengan iltizam dan kesungguhan, APMM telah berjaya memulihkan semua aset yang diserah terima dari agensi-agensi maritim lain secara berperingkat dan mengoperasikan aset-aset ini di Zon Maritim Malaysia. APMM juga berjaya membuka ibu pejabat wiiayah, daerah dan pangkalan di seluruh Malaysia seperti yang dirancangkan. Keperluan sumber manusia telah diusahakan secara berperingkat-peringkat. Aset-aset serta prasarana tertentu telah diperolehi dan dibangunkan.

Sejak APMM dilantik sebagai penguat kuasa tunggal maritim pada Ogos 2011, perjawatan yang diluluskan telah bertambah dari 4,026 pada kepada 5,408. Keanggotaan pada masa ini berjumlah 3,698 Pegawai Penguat Kuasa Maritim (75% daripada perjawatan yang diluluskan) dan 287 anggota awam gunasama. Jumlah keseluruhan ialah 3,985 anggota. Walau bagaimanapun, sebanyak 1,413 perjawatan akan dipenuhi secara berperingkat-peringkat dan dijangka akan dicapai dalam tempoh 3 tahun mendatang. Manakala aset bot dan kapal juga bertambah daripada 151 kapal/bot pada Ogos 2011 menjadi 242 buah kapal/bot kesemuanya serta penyerahan beberapa pangkalan dan juga jeti daripada agensi lain kepada APMM. Umumnya, kekuatan APMM pada ketika ini ialah seperti berikut. Kapal: 88 buah Bot: 154 dari pelbagai jenis Pesawat Helikopter: 6 buah Pesawat kapal terbang : 2 buah

Dalam perlaksanaan operasi, APMM telah menahan sebanyak 524 bot pukat tunda asing daripada Thailand, Vietnam, Indonesia, Filipina, China dan Singapura sejak 2006 sehingga kini. Statistik penahanan bot-bot pukat tunda negara asing yang melakukan penangkapan ikan secara

haram di perairan Malaysia oleh APMM adalah seperti berikut:

- 2006 - 37 buah bot
- 2007 - 89 buah bot
- 2008 - 81 buah bot
- 2009 - 137 buah bot
- 2010-103 buah bot
- 2011 -69 buah bot
- 2012 (sehingga 4 Mac 2012) - 8 buah bot

Statistik menunjukkan bahawa kadar bot-bot pukat tunda nelayan asing yang menceroboh perairan negara telah mulai menurun sejak 2009 kerana pengawasan dan pengawalan APMM yang berkesan.

Manakala bagi nelayan tempatan pula, sepanjang tahun 2011, APMM telah menahan sejumlah 357 bot pukat tunda yang telah melakukan perbagai aktiviti yang menyalahi akta seperti Akta Perikanan 1985, Akta Imigresen 1959/63, Akta Kastam 1967, Akta Anti Perdagangan Manusia dan Anti Penyeludupan Migran 2007, Akta Kawalan Bekalan 1961 dan juga Akta Perlindungan Kehidupan Liar 1972. Jumlah ini tidak mengambil kira 11 pukat jerut yang ditahan sepanjang tahun 2011. Secara purata, APMM melakukan penahanan sebuah bot pukat tunda yang melakukan aktiviti haram setiap hari pada tahun lepas. Jumlah ini tidak termasuk bot pukat tunda yang telah diharamkan penggunaannya di bawah Akta Perikanan 1985 iaitu bot-bot pukat tunda sorong dan pukat tunda apollo. Pada tahun lepas sahaja, sebanyak 8 bot pukat tunda sorong dan pukat tunda apollo

yang diharamkan telah berjaya ditahan oleh APMM. Boleh dikatakan kesemua bot-bot ini beroperasi di perairan negeri Perak.

Pembesaran APMM yang direncanakan berperingkat-peringkat dan menyeluruh, akan menyaksikan penerimaan beberapa pangkalan, jeti serta perkhidmatan dari agensi lain serta penggantian kapal-kapal usang yang diperolehi dari agensi asal yang telah melangkaui usia melebihi 40 tahun serta tidak kos efektif dan tidak selamat untuk diteruskan penggunaannya. Di samping itu juga, APMM berusaha untuk mendapatkan peralatan baru sejajar dengan peningkatan dan kemajuan teknologi yang terkini bagi memaksimumkan aplikasinya dengan lebih berkesan seperti membangunkan beberapa pos radar pengawasan laut yang melingkupi seluruh perairan Selat Melaka dan Sabah Timur. Proses untuk mendapatkan tambahan kepada 2 kapal ronda luar pantai agar APMM boleh beroperasi di luar pantai di zon maritim negara juga sedang dirancang. Tidak lupa juga pembinaan pangkalan dan pos hadapan yang menjadi keutamaan dalam agenda peningkatan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang maritim serta pangkalan udara untuk menampung penempatan pesawat-pesawat APMM.

Tuan Yang Dipertua,

Sukacita saya mengingatkan diri saya dan rakan-rakan yang berada di Dewan yang mulia ini bahawa APMM telah dapat mengurangkan pencerobohan penguat kuasa negara jiran dengan terjalinnya kerjasama APMM dengan pihak berkuasa negara jiran. Hasil kesefahaman dan persetujuan di antara kedua-dua badan yang bertanggungjawab

menguatkuasakan undang-undang maritim, beberapa bot nelayan tempatan yang telah ditahan oleh negara jiran telah dilepaskan tanpa dikenakan sebarang pertuduhan. Kerjasama dan kesefahaman sebegini akan terus dipupuk dan diteguhkan bagi keselamatan dan kebijakan nelayan tempatan. APMM akan meneruskan usaha menjalinkan kerjasama dan kesefahaman dengan penguat kuasa maritim negara jiran yang lain dan serantau bagi menjamin keselamatan pengguna antarabangsa dan juga tempatan di dalam Zon Maritim Malaysia.

Peranan, tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada APMM untuk mengawal dan melindungi Zon Maritim Malaysia yang begitu luas, meliputi keluasan perairan seluas 614,000 kilometer persegi dan pantai sepanjang 4,492 kilometer, adalah sangat mencabar. Alhamdulillah, berkat rahmat dan keizinan Allah Subhanahu Wataala, dalam tempoh 7 tahun APMM ditubuhkan, APMM telah dapat melaksanakan amanah negara dan rakyat dengan cemerlang sekali.

Sekian, terima kasih.

No 'toArLfrM : NO

AUM

41

: 41

NO
AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISA	TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]
DARIPADA		
TARIKH		13 MAC 2012
RUJUKAN		4435

SOALAN :

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah laporan polis yang dibuat terhadap anggota polis dari tahun 2001 sehingga kini mengikut tahun dan jenis aduan serta jelaskan langkah-langkah mengatasi penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dalam PDRM.

Tuan Yang Dipertua,

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, berdasarkan rekod dari tahun 2001 sehingga 2011, pihak didapati Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menerima sejumlah 5,410 laporan polis dan aduan salahlaku berkaitan dengan dakwaan gejala rasuah, kesalahan jenayah, penyalahgunaan dadah, kesalahan syariah dan pembolosan. Susulan daripada ini, pihak PDRM telah mengambil tindakan sewajarnya iaitu melakukan siasatan terperinci terhadap setiap kes yang dilaporkan dan sepanjang tempoh 10 tahun tersebut, sejumlah 8,324 orang pegawai dan anggota polis telah dikenakan tindakan tatatertib.

Tuan Yang Dipertua,

Sehubungan dengan ini, pihak PDRM juga turut mengambil langkah-langkah proaktif dalam mencegah dan menangani salah laku pegawai dan anggota PDRM seperti berikut:-

Pertama, urusan pertukaran pegawai - pegawai yang menjawat jawatan di jawatan sensitif supaya berkhidmat diantara tiga (3) hingga lima (5) tahun sebelum ditukarkan ke jawatan lain bagi memperkaya dan memperluaskan tugas (**job enrichment and job enlargement**) pegawai polis. Contoh jawatan sensitif di PDRM ialah jawatan di Cawangan Trafik, Jabatan Siasatan Jenayah (D7), Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (Tahanan/Perlucutahan Harta) dan Cawangan MPV.

Kedua, pelaksanaan konsep pematuhan dan pemantauan (**compliance and monitor**) iaitu memberi penekanan kepada penugasan kepolisan mengikut serta mematuhi undang-undang, prosedur, peraturan atau arahan dan tindakan tatatertib berdasarkan perintah Tetap Ketua Polis Negara dan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Dan yang ketiga ialah pelaksanaan kaedah '**Integrity Testing**' yang mengandungi elemen pemeriksaan proaktif, '**Mystery Shopping**' dan ujian saringan awal air kencing.

SOALAN NO: 42

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

QUESTION AND ANSWER

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO' IBRAHIM BIN ALI (PASIR MAS)
TARIKH	13 MAC 2012 (SELASA)
SOALAN	Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan perbezaan peranan dan fungsi Pusat Fidlot Nasional dan National Feedlot Corporation (NFC).

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Pusat Fidlot Nasional (PFN) adalah projek penternakan lembu fidlot yang dijalankan di Gemas, Negeri Sembilan dengan matlamat untuk meningkatkan pengeluaran daging tempatan dalam negara manakala National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFCorp) adalah syarikat yang dilantik oleh Kerajaan sebagai integrator projek di PFN.

Memandangkan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat kini berada di dalam tindakan mahkamah ulasan tidak dapat diberikan kerana dikhuatiri akan menjelaskan perbicaraan mahkamah dan seterusnya menimbulkan subjudis.

NO. SOALAN:

43 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B TUAN LIM LIP ENG
[SEGAMBUT]

TARIKH 13 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah kehilangan barang-barang kes jenayah di Mahkamah sejak tahun 2008 mengikut jenis barang, tahun dan negeri. Apakah punca sebenar masalah ini terjadi.

JAWAPAN YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Garis panduan penyimpanan eksibit atau barang kes di mahkamah dinyatakan di dalam Pekeliling Pendaftar No. 1 Tahun 1991 dan juga Pekeliling Pendaftar No. 8 Tahun 1956. Dalam kebanyakan kes, pegawai pendakwa atau pegawai penyiasat sendiri yang akan ditugaskan untuk menyimpan barang kes atau eksibit yang melibatkan dadah, wang tunai dan lain-lain barang ber nilai termasuklah pita-pita rakaman.

Statistik jumlah kehilangan barang-barang kes jenayah di mahkamah sejak tahun 2008 adalah seperti di Lampiran A.

Berdasarkan statistik tersebut, kes kehilangan berang-barang kes jenayah di mahkamah adalah terpencil. Mahkamah adalah amat mengambil serius berkaitan kehilangan barang kes yang berlaku dan jika ia melibatkan kecuaian pegawai dan kakitangan mahkamah, laporan polis akan dibuat sebelum tindakan disiplin diambil.

Sekian, terima kasih.

BIL.	BARANG	TAHUN	NEGERI
1	7 jenis barang kemas yang telah ditandakan sebagai eksibit.	2011	Pahang
2	Barang kemas	2008	Selangor

NO. SOALAN : 44

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN
DARIPADA DATO' JOHARI BIN ABDUL [
TARIKH SUNGAI PETANI] 13.03.2012
(SELASA)
DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta MENTERI PERDAGANGAN
DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUANAAN menyatakan

- (a) jumlah usahawan francais yang memohon pinjaman melalui Skim Pembiayaan Kecil Francais; dan
- (b) apakah usaha Kerajaan bagi menerangkan secara meluas kepada usahawan agar mereka mengambil peluang dengan melibatkan diri dalam bidang ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Melalui RMK-10, sejumlah RM8 juta telah diperuntukan bagi Skim Pembiayaan Kecil Francais (SPKF). SPKF ini bertujuan untuk menawarkan pembiayaan kepada bakal francais kepada perniagaan francais mikro dengan 90 peratus

margin pembiayaan dan jumlahnya tidak melebihi RM 50,000. Sehingga Mac 2012, jumlah usahawan yang memohon Skim Pembiayaan Kecil Francais (SPKF) adalah 109 pemohon. Sejumlah 86 permohonan telah diluluskan dan 21 permohonan ditolak serta 2 permohonan ditangguhkan atau sedang dalam perhatian. Sehingga kini, jumlah pembiayaan yang telah diluluskan adalah berjumlah RM1,766,700.

(b) Bagi tahun 2012, Kerajaan telah memperuntukan sejumlah RM5 juta melalui RMK-10 dalam usaha mempromosikan industri francais bertujuan supaya lebih ramai usahawan dan bakal usahawan menceburi bidang ini. Antara program-program yang dianjurkan oleh Kementerian adalah seperti Program Pembangunan Produk Francais Tempatan (PPFT), Program Dana Bantuan Pembangunan Francais (DBPF), Program Francais Komuniti, Program Pavilion Francais, Program Jelajah Francais 1 Malaysia, Program Jaringan Antarabangsa serta program pembiayaan dan insentif cukai ke atas fi francaisi bagi francaisi berjenama tempatan. Pada tahun 2011, sejumlah lima program francais komuniti telah diadakan yang mencatatkan 208 bilangan potensi francaisi dengan nilai pelaburan francais berjumlah RM8.49 juta. Bagi promosi francais dalam negara, sejumlah 39 Program Pavilion Francais di seluruh negara telah dilaksanakan yang menghasilkan sejumlah RM32.29 juta nilai pelaburan francais dengan 205 potensi bakal francaisi. Program Jaringan Antarabangsa pula telah menghasilkan sejumlah RM207.22 juta nilai pelaburan francais melalui 205 potensi bakal francaisi. Sejumlah 6 jenama francais Malaysia telah berjaya dikembangkan ke pasaran global iaitu Bangi Kopitiam, Old Town White Coffee, Station One Leisure Cafe, Hot & Roll, Little Taiwan dan Snips Academy. Bagi tahun 2012, Kementerian merancang untuk mengadakan 11 lagi program francais komuniti, 40 program Pavilion Francais dalam negara dan 8 Misi Jaringan Antarabangsa.

SOALAN NO. 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB DATUK BILLY ABIT JOO (HULU RAJANG)

TARIKH 13 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN 4§

YB Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan berkenaan kemajuan Amanah Ikhtiar Malaysia yang mempunyai dana sebanyak RM236 juta serta program-program di bawahnya seperti Azam Niaga, Azam Khidmat, Azam Tani dan Azam Kerja. Apakah tahap keberkesanan program-program ini untuk membasmi kemiskinan khususnya di pedalaman Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) selaku peneraju Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH) sentiasa memberikan perhatian terhadap usaha meningkatkan taraf hidup golongan berpendapatan rendah. Langkah ini penting bagi memastikan tiada rakyat Malaysia yang miskin atau tercicir daripada menerima perkhidmatan atau sebarang bantuan kebajikan masyarakat.

Satu daripada inisiatif di bawah NKRA LIH ini ialah Program 1AZAM yang mengandungi 4 komponen iaitu:

- AZAM Niaga dan AZAM Khidmat yang dilaksanakan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia;
- AZAM Tani yang dijalankan oleh Kementerian Pertanian dan Industri AsasTani; dan
- AZAM Kerja yang diuruskan oleh Kementerian Sumber Manusia.

Program 1AZAM ditawarkan kepada mereka yang tersenarai dalam sistem eKasih. Dalam hal ini, pihak kerajaan telah menyalurkan peruntukan kewangan sebanyak RM236 juta kepada Amanah Ikhtiar Malaysia untuk melaksanakan program-program di bawah AZAM Niaga dan AZAM Khidmat bagi tempoh tahun 2010 hingga tahun 2012. Hingga 5 Mac 2012, seramai 1,902 orang peserta di negeri Sarawak telah menyertai program AZAM Niaga dan AZAM Khidmat di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia.

Pihak Amanah Ikhtiar Malaysia sentiasa melaksanakan pemantauan berkala secara mingguan bagi pembayaran balik pinjaman serta pemantauan secara bulanan bagi semakan peningkatan pendapatan terhadap semua peserta yang menyertai program AZAM Niaga dan AZAM Khidmat. Hasil pemantauan ini mendapati seramai 154 orang daripada 1,902 orang peserta program AZAM Niaga dan AZAM Khidmat di negeri Sarawak telah berjaya memperoleh pendapatan antara RM760.00 hingga RM 1,000.00 sebulan manakala seramai 75 orang peserta pula memperolehi pendapatan bulanan di bawah RM760.00.

Sebagai kesimpulan, pihak kerajaan menggunakan pendekatan ***productive welfare*** supaya golongan miskin yang memerlukan bantuan kerajaan dapat keluar daripada kepompong kemiskinan dan hidup berdikari.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DR. HIEW KING CHEU (KOTA KINABALU)
TARIKH	13.03.2012

SOALAN:

Y.B. DR. HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU] minta Menteri Pelajaran menyatakan sistem pemberian dana "Satu untuk Satu" kepada semua sekolah-sekolah Kerajaan yang dibantu dan sama ada sistem ini boleh dijalankan semula untuk menyediakan lebih banyak bantuan. Mengapa geran Kerajaan kepada tabung bangunan sekolah di Sabah sedikit sahaja.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat dan memberi perhatian yang sewajarnya kepada setiap permasalahan tanpa mengira jenis sekolah dan lokasi. Agenda utama Kerajaan adalah untuk membangunkan pendidikan negara secara menyeluruh; merapatkan jurang pembangunan, prasarana dan pencapaian murid; memperbaiki sekolah daif, serta memberi

Soalan No : 46

akses dan pendidikan yang berkualiti kepada semua murid.

Justeru, peruntukan pembangunan untuk semua jenis sekolah bantuan kerajaan masih lagi diteruskan sehingga kini. Walau bagaimanapun pemberian bantuan kewangan tersebut adalah tertakluk kepada keperluan sekolah melalui permohonan yang dikemukakan dan kemampuan kewangan kerajaan semasa. Keutamaan adalah kepada perkara yang melibatkan keselamatan dan keselesaan kepada pengajaran dan pembelajaran. Selain peruntukan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), sekolah-sekolah bantuan turut menerima peruntukan daripada pelbagai sumber lain seperti melalui Kementerian Kewangan, Kementerian Kerja Raya, Jabatan Perdana Menteri, dan pelbagai agensi bukan kerajaan.

Seperti yang telah dilakukan pada tahun-tahun sebelum ini, bantuan juga disediakan kepada semua sekolah bantuan kerajaan seperti sekolah kerajaan merangkumi emolumen dan elauan guru, bayaran utiliti, pemberian bantuan per kapita (PCG), kawalan keselamatan dan pembersihan kawasan dan peralatan pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan bantuan murid seperti KWAPM, Skim Baucer Tuisyen dan Rancangan Makanan Tambahan. Peruntukan adalah berdasarkan bilangan murid, bilangan guru serta gred sekolah tersebut.

Berhubung dengan peruntukan pendidikan bagi negeri Sabah, untuk makluman, di bawah peruntukan 500 juta sahaja, KPM telah menyediakan peruntukan sebanyak RM96 juta bagi 283 projek penyelenggaraan dan baikpulih sekolah di seluruh negeri Sabah. Peruntukan tersebut tidak mengambilkira peruntukan yang dirancang dalam RMKe-10 yang melibatkan pelbagai projek pembangunan.

Rjm 03

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

SOALAN (47)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 13 MAC 2012 (SELASA)

**DARIPADA Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
[AMPANG]**

SOALAN

Y.B. PUAN HAJAH ZU RAIDA BINTI KAMARUDDIN [AMPANG] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan sama ada peralihan kuasa mengurus sisa pepejal dan pembersihan kepada Kerajaan Persekutuan akan melemahkan kuasa dan peranan Kerajaan Tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) memberikan kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan untuk menguruskan sisa pepejal dan pembersihan awam di semua negeri di Semenanjung termasuk Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan. Dengan berkuatkuasanya Akta 672 ini pada 1 September 2011, Kerajaan Persekutuan mengambil alih tugas Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam urusan tersebut. Walau bagaimanapun, PBT mempunyai peranan untuk memantau kebersihan kawasan masing-masing dan melaporkannya untuk tindakan pembersihan. Di samping itu, wakil PBT turut dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Pelaksanaan Peringkat Wilayah.

Jawatankuasa ini berperanan untuk mengkaji cadangan jadual kutipan dan membuat penilaian semula kawasan skim sedia ada. Jawatankuasa ini juga menentukan hala tuju pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di kawasan pentadbiran mereka.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2012

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

A/0 'fi^orM^A/ **NOAUM**

:5+

N
AUP

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE
[SETIAWANGSA]

TARIKH : 13 MAC 2012

RUJUKAN 4437

SOALAN :

Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah strategi Kerajaan di dalam pembangunan balai-balai polis dan kelengkapan kepolisan di kawasan-kawasan strategik Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memandangkan cabaran membanteras jenayah yang semakin meningkat pada hari ini dan peranan sektor swasta di dalam membantu Kerajaan mencapai matlamat pengurangan kadar jenayah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Setiawangsa yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kementerian sentiasa komited dalam membanteras jenayah dan mengekalkan keselamatan dan ketenteraman awam. Untuk itu, Kementerian telah menyediakan peruntukan yang tertentu bagi meningkatkan pembangunan dan kelengkapan pihak polis terutamanya bagi kawasan-kawasan '**hot spot**'. Bagi tahun 2012, sebanyak RM 642 juta telah diperuntukkan kepada PDRM bagi sektor pembangunan dan sektor kelengkapan. Ini termasuk RM 442 juta bagi sektor pembangunan dan RM 200 juta bagi kelengkapan PDRM yang akan dibekalkan kepada setiap jabatan dalam PDRM.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian juga mendapat kerjasama yang baik dari semua pihak dalam membanteras jenayah di seluruh negara. Selain kerjasama yang diberikan oleh agensi-agensi Kerajaan yang lain, sektor swasta juga turut menyumbang peranan yang penting dalam membantu Kerajaan dalam memastikan keselamatan dan ketenteraman awam terjamin. Ini dengan pengwujudan polis bantuan di kebanyakan

premis swasta, sumbangan kelengkapan kepada pihak PDRM bagi tugas-tugas membanteras jenayah dan juga kerjasama yang dijalankan melalui '*rakan cops*'.

NO i/e^

NO. AUM : 52-

~~NO. AUM~~

INU. Aur :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN :

LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH 13 MAC 2012

RUJUKAN 4438

SOALAN:

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan

- (a) jumlah permintaan INTERPOL mengikut jenis yang diterima dari tempoh 2001 sehingga kini; dan
- (b) jumlah tangkapan berkait yang dibuat dalam tempoh yang sama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tanjong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kementerian tidak dapat memberikan statistik yang diminta dari tahun 2001. Bagi menjawab soalan (a), secara keseluruhannya jumlah permintaan INTERPOL yang diterima PDRM dari tahun 2004 hingga 2011 adalah sebanyak 17,886. Ini termasuk 3,024 bagi tahun 2004, 3,276 pada tahun 2005, 3,003 bagi tahun 2006, 2,269 bagi tahun 2007, 2,015 bagi tahun 2008, 2,226 bagi tahun 2009, 2,267 bagi tahun 2010 dan 2,509 bagi tahun 2011.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (b), jumlah tangkapan INTERPOL dari tahun 2003 hingga 2011 adalah sebanyak 55 tangkapan. Ianya termasuk 9 tangkapan bagi tahun 2003, tiada tangkapan bagi tahun 2004, 4 tangkapan bagi tahun 2005, 8 tangkapan bagi tahun 2006, 3 tangkapan bagi tahun 2007, 1 tangkapan bagi tahun 2008, 2 tangkapan bagi tahun 2009, 14 tangkapan bagi tahun 2010 dan 14 tangkapan bagi tahun 2011.

SOALAN NO: 51

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB DATUK SERI PANGLIMA WILFRED

MOJILIP BUMBURING (TUARAN)

TARIKH 13 MAC 2012

SOALAN

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah Kerajaan akan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan DiRaja mengenai isu pendatang tanpa izin seperti yang diluluskan oleh Kabinet pada 8hb Februari 2012 dan bolehkah Kementerian mengumumkan kepada Dewan terma Suruhanjaya tersebut.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI PI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berikutan daripada keputusan Jemaah Menteri supaya suatu Suruhanjaya Siasatan DiRaja ditubuhkan mengenai pendatang asing tanpa izin di Sabah, Kerajaan sedang dalam proses menyediakan terma rujukan (*terms of reference*) Suruhanjaya Siasatan tersebut. Kerajaan juga akan mendapatkan maklum balas daripada Kerajaan Negeri Sabah dan pihak-pihak yang berkenaan sebelum memuktamadkan terma rujukan tersebut. Terma-terma rujukan tersebut akan dimaklumkan kepada orang ramai apabila telah dimuktamadkan.

5-2

NO. AUM : 54-

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING [KULAI]

TARIKH 13 MAC 2012

RUJUKAN 4439

SOALAN:

Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes pengendalian perjudian dalam premis 'cyber cafe' atau premis yang menjalankan aktiviti mesin permainan (gaming machine) di daerah Pulai Jaya, Johor yang telah dikenakan tindakan. Jika tidak terdapat tangkapan, mengapakah begitu banyak aduan daripada ibu bapa dan media massa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kulai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Pihak Kementerian, khasnya PDRM amat peka dan sensitif kepada isu-isu permasalahan perjudian haram Cyber Cafe di dalam negara. PDRM sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang untuk menangani masalah ini. Kegiatan perjudian di Cyber Cafe mendapat liputan dalam akhbar-akhbar tempatan namun ianya tidak menjelaskan tindakan-tindakan yang dijalankan oleh PDRM.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk daerah Kulai, Johor pada tahun 2009 sebanyak 58 serbuan telah dibuat dan daripada serbuan ini seramai 102 orang telah ditangkap dan sebanyak 429 buah mesin perjudian telah dirampas. Daripada jumlah ini, 46 kes telah dituduh di mahkamah. Bagi sepanjang tahun 2010 sebanyak 60 serbuan telah dilancarkan dan seramai 67 orang telah ditangkap. Dalam serbuan ini sebanyak 295 buah mesin perjudian telah berjaya dirampas. Sebanyak 26 kes telah dituduh dimahkamah. Pada tahun 2011 sebanyak 227 serbuan, 378

tangkapan dan rampasan 3054 mesin perjudian. Sebanyak 185 kes telah dituduh dimahkamah. Pada tahun 2012 Januari hingga Februari 10 serbuan, tangkapan 20 orang dan 148 mesin perjudian dirampas. 7 kes telah dituduh di mahkamah.

bit' SrtMJbM'- £3

NO AUM

:55

AUP NO

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI
JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARIPADA LISAN

TARIKH TUAN LIEW CHIN TONG [BUKIT BENDERA]

RUJUKAN 13 MAC 2012

4440

SOALAN

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan status hukuman mati dan sebat:-

- (a) adakah Kerajaan bersetuju dengan saranan moratorium hukuman mati sementara menunggu konsensus menghapuskan hukuman tersebut dan menyatakan jumlah banduan yang menunggu hukuman mati di penjara-penjara; dan
- (b) jumlah pekerja (pendatang) asing tanpa izin dan sah mengikut kewarganegaraan serta warganegara Malaysia disebat dari 2005 hingga 2012.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Bendera yang telah mengemukakan pertanyaan.

- a) Berdasarkan statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 28 Februari 2012 terdapat seramai 860 banduan telah disabitkan dengan hukuman mati atas kesalahan membunuh, pengedaran dadah, senjata api dan penculikan. Daripada jumlah tersebut, 616 orang dalam proses Mahkamah Rayuan, 94 dalam proses Mahkamah Persekutuan dan 150 dalam peringkat Lembaga Pengampunan. Dengan itu, hukuman mati belum dapat dilaksanakan kerana semua banduan terlibat masih di dalam proses rayuan seperti di atas.
- b) Dimaklumkan statistik Jabatan Penjara Malaysia sejak tahun 2005 hingga 2011 seramai 79,487 banduan telah dilaksanakan hukuman sebatan rotan. Daripada jumlah tersebut, 46,338 atau 58.3% adalah banduan warga Malaysia dan 33,149 atau 41.7% daripadanya adalah banduan warga asing

SOALAN NO.:h

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	YB. TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT
KAWASAN	KUALA TERENGGANU 13 MAC 2012
TARIKH	(SELASA)

SOALAN:

YB. TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT (KUALA TERENGGANU) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan bilakah jalan yang dibina semenjak mantan Menteri Kerja Raya, Dato¹ Seri S. Samy Vellu yang menghubungkan Bandar Simpang Pulai di Perak ke Kuala Berang di Terengganu akan siap sepenuhnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

Projek jalan Raya Persekutuan dari Simpang Pulai di Perak ke Lojing - Gua Musang, Keiantan dan seterusnya berakhir di Kuala Berang, Terengganu merupakan projek yang dilaksanakan Kerajaan bagi menghubungkan kawasan pantai timur dan barat Semenanjung Malaysia. Laiuan tersebut yang juga dikenali sebagai Lebuh Raya Timur Barat Kedua telah mula dibina sejak dari tahun 1990-an melibatkan pembinaan jalan sepanjang lebih 300 kilometer dan merentasi 4 buah negeri, iaitu Perak, Pahang, Keiantan dan Terengganu. Pembinaan projek ini telah dibahagikan oleh jabatan Kerja Raya (JKR) kepada 10 pakej dengan kos keseluruhan projek dianggarkan melebihi RM2 bilion.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini lauan jalan dari Simpang Pulai ke Kuala Betis, Gua Musang sepanjang lebih kurang 155 kilometer telah siap dibina, kecuali Pakej 9: Naik Taraf jalan dari Kuala Betis ke Gua Musang. Walau bagaimanapun bagi lauan dari Gua Musang ke Kuala Berang masih terdapat 2 pakej yang sedang dalam peringkat pembinaan dan 3 pakej lagi dalam peringkat perancangan. Antara pakej yang sedang dalam peringkat pembinaan ialah Pakej 6(A): Aring ke Sempadan Negeri Terengganu yang dijangka siap pada akhir tahun 2012; dan Pakej 10: Pembinaan jambatan Sungai Telemong, Kuala Terengganu yang akan siap pada akhir bulan ini (Mac 2012). Manakala pakej-pakej yang sedang dalam peringkat perancangan pula ialah melibatkan Pakej 8: Kg. Teris ke Kuala Telemong (Fasa 2 dan 3), Pakej 70. Kuala jeneris ke Tasik Kenyir dan Pakej 9: Naik Taraf Kuala Betis ke Gua Musang. Kesemua cadangan projek ini telah dipohon kepada Agensi Pusat

untuk dilaksanakan oleh JKR dalam *Rolling Plan* ke-3, RMKe-10.

Sekian. Terima kasih.

No. Soalan : [55
] PR-1251-
L48233

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAB LISAN

TARIKH

**YB TUAN SIVARASA
A/L K. RASIAH [
SUBANG]**

13 MAC 2012

DARIPADA SOALAN

**YB Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah
[Subang] minta MENTERI LUAR NEGERI
menyatakan sama ada pinjaman kepada Lubnan
pada 1980an berjumlah 500 juta USD yang
diluluskan oleh mantan Perdana Menteri Tun Dr.
Mahathir Mohamed telah dibayar semula dan**

JAWAPAN:

sekiranya tidak, apakah alasannya.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Subang di atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Merujuk kepada soalan tersebut, terdapat sedikit pembetulan fakta terhadap soalan yang dikemukakan. Untuk makluman, Malaysia telah memberi bantuan kewangan kepada Lubnan pada tahun 2002, dan bukanlah pada tahun 1980an.

3. Bantuan kewangan ini adalah sebahagian daripada inisiatif masyarakat antarabangsa untuk membantu Lubnan membangunkan semula ekonomi negara tersebut yang musnah akibat Perang Saudara. Masyarakat antarabangsa dengan sepakat telah menyumbang sejumlah USD4.4 billion pada Persidangan Paris II pada tahun 2002. Bantuan kewangan Kerajaan Malaysia adalah dalam bentuk pembelian bon Lubnan bolehniaga.

4. Kerajaan Lubnan telah memenuhi obligasi kewangan mereka kepada Malaysia dengan membayar kupon dan prinsipal mengikut jadual berdasarkan terma yang telah dipersetujui oleh kedua-dua buah negara.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 56

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: TUAN AZAN BIN ISMAIL [INDERA MAHKOTA]

TARIKH : 13 MAC 2012

JAWAPAN:
SOALAN

Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini penubuhan Pasukan Khas (TASK FORCE) yang menggabungkan PDRM, SPRM, LHDN dan Bank Negara dalam usaha membanteras kebocoran ekonomi negara dan apakah cadangan Kerajaan untuk mengekalkan pasukan ini di masa hadapan atau sebaliknya sebagaimana Operasi 3B.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pasukan Khas (Task Force) yang menggabungkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Bank Negara dengan Jabatan Peguam Negara bertindak sebagai penasihat dari segi undang-undang ditubuhkan bagi membanteras aktiviti haram

yang melibatkan rasuah, penggubahan wang haram serta aktiviti bersindiket yang membawa kepada ketirisan ekonomi negara.

Pasukan yang melibatkan pelbagai agensi penguatkuasaan ini masih lagi aktif dan berperanan untuk melaksanakan penguatkuasaan terhadap pelbagai kesalahan dan perlakuan jenayah yang terletak di bawah bidangkuasa SPRM, LHDN, Bank Negara dan KDRM.

Antara kejayaan besar yang telah dicapai oleh pasukan ini adalah mendapatkan kembali hasil pendapatan kerajaan serta membersihkan amalan rasuah di kalangan pegawai dan kakitangan KDRM melalui OPS 3B yang melibatkan ketirisan hasil negara di Pelabuhan Klang, Selangor; Pelabuhan Kuantan, Pahang; Pelabuhan Pulau Pinang; Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pelabuhan Pasir Gudang, Johor.

Sementara itu, pihak Kerajaan sedia mengkaji untuk menubuhkan pasukan seperti ini yang dianggotai oleh pelbagai agensi penguatkuasa dimasa hadapan demi kepentingan negara dan sekiranya terdapat keperluan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM
 [KAPAR]**

JAWAPAN:

TARIKH **13 MAC 2012**

RUJUKAN **4441**

SOALAN:

Tuan Manickavasagam a/l Sundaram [Kapar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian dalam mempercepatkan kelulusan untuk mendapatkan pekerja asing dan berikan sebab-sebab program pemutihan dilanjutkan lagi. Adakah benar Kerajaan membantu perindustrian atau membantu warga asing untuk menindas pengusaha tempatan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kapar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Kerajaan telah pun melaksanakan langkah-langkah bagi mempercepatkan proses kelulusan untuk mendapatkan pekerja asing. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- i) Mewujudkan Pusat Kelulusan Setempat atau *One Stop Centre* (OSC) bagi memudahkan proses pengambilan pekerja asing masuk ke Malaysia.

SOALAN : 57

- ii) Kerajaan telah melaksanakan penambahbaikan dari segi pengurusan pengambilan pekerja asing melalui penubuhan Bahagian Pengurusan Pekerja Asing di Kementerian Dalam Negeri.
- iii) Kementerian juga telah melaksanakan penambahbaikan dalam proses dan prosedur kerja permohonan pengambilan pekerja asing. Antaranya menambahbaik tempoh masa dan proses temuduga oleh Agensi Kawal Selia yang terlibat.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pihak Kementerian sedang melaksanakan Proses Pemutihan yang mana ianya merupakan fasa penting dalam Program Penyelesaian Menyeluruh Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Sehingga 8 Mac 2012, seramai 305,413 PATI telah diputihkan dan jumlah ini melibatkan sebanyak 36,590 majikan. Proses Pemutihan ini telah mula dilaksanakan pada 10 Oktober 2011 dan sepatutnya berakhir pada 10 Januari 2012.

Bagaimanapun, Kementerian telah membuat keputusan untuk melanjutkan tempoh proses Pemutihan sehingga 10 April 2012 secara pentadbiran. Antara sebab-sebab penangguhan tarikh akhir pemutihan adalah seperti berikut:

- i) Masih terdapat rayuan dari pihak majikan dan industri untuk mendapatkan pekerja asing melalui Program Pemutihan; dan
- ii) Memberi ruang dan tempoh masa kepada pihak majikan dan PATI untuk menguruskan dokumen-dokumen yang diperlukan dalam urusan pemutihan seperti pasport, dokumen perjalanan, dokumen perniagaan serta maklumat-maklumat lain yang berkaitan.

Untuk makluman Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, majikan dan industri yang terlibat dalam program pemutihan ini juga adalah terdiri daripada rakyat tempatan yang memerlukan pekerja dalam

sektor-sektor tertentu. Selain itu, bagi PATI yang gagal untuk diputihkan di bawah program pemutihan ini, tindakan penguatkuasaan dan pengusiran akan dilaksanakan bagi memastikan pelaksanaan Program 6P ini benar-benar mengikut landasan dan perancangan yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, adalah tidak wajar pihak Kerajaan dianggap memberi keutamaan kepada warga asing untuk menindas pengusaha tempatan.

Soalan No : 58

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
	[HULU LANGAT]
TARIKH	13.3.2012
SOALAN:	

Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT] minta Menteri Pelajaran menyatakan penyelarasan yang dibuat dengan Kementerian Pengajian Tinggi dalam melatih guru-guru supaya ia selari dengan keperluan di Sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Di bawah RMKe-10 pula, sasaran yang telah ditetapkan ialah bilangan guru berijazah di sekolah menengah akan ditingkatkan daripada 89.4% dalam tahun 2009 kepada **90%** menjelang tahun 2015. Manakala bagi sekolah rendah, kadar ini ditingkatkan daripada 28% dalam tahun 2009 kepada **60%** menjelang tahun 2015. Dalam usaha untuk capai sasaran tersebut, tidak dinafikan bahawa

hubungan kerjasama dan penyelarasan antara Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) adalah faktor penyumbang untuk menjayakan sasaran tersebut.

Di samping itu, kerjasama juga dilakukan antara KPM dan KPT dalam menyelaras keperluan latihan perguruan untuk bekalan guru sama ada di sekolah rendah atau pun di sekolah menengah. Penyelarasan juga melibatkan penyesuaian program latihan bagi memenuhi keperluan perjawatan dan opsyen di sekolah. Sebagai contohnya KPM melalui Bahagian Pendidikan Guru telah melaksanakan Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) yang melibatkan kerjasama Majlis Dekan IPTA. Program berjalan selama 12 minggu (6 minggu secara *on-line* dan 6 minggu secara *face to face*) dengan enam (6) IPTA terlibat iaitu UM, USM, UPSI, UTM, UPM, UKM. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program ini telah dihadiri oleh 326 orang guru pada tahun 2011.

Rjm 04

NOAUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATO' ZULKIFLI BIN NOORDIN [KULIM BANDAR BARU]
TARIKH 13 MAC 2012
RUJUKAN 4442

SOALAN :

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) jumlah dan butir laporan-laporan polis yang dibuat terhadap Dr. Aziz Bari berkaitan kenyataan beliau yang mempertikaikan titah DYMM Sultan Selangor dalam isu dakyah gereja DUMC; dan
- (b) apakah tindakan susulan yang telah diambil dan apakah status tindakan terkini terhadap laporan-laporan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kulim Bandar Baru yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a) sebanyak tujuh laporan polis telah dibuat di mana enam laporan polis dibuat di Balai Polis Seksyen 6, Shah Alam dan satu laporan polis lagi di Balai Polis Seksyen 11, Shah Alam. Semua laporan polis tersebut menunjukkan ketidakpuasan pengadu terhadap kenyataan Prof. Dr Aziz Bari.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (b), satu kertas siasatan telah dibuka di bawah Seksyen 4 (1) Akta Hasutan oleh pihak polis. Buat masa ini perkara tersebut masih lagi dalam siasatan pihak polis.

No. Soalan: [60]

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN

DARIPADA

JAWAB LISAN DATO' DR. HAJI
MOHD HAYATI BIN OTHMAN [
PENDANG]

TARIKH

Selasa, 13 Mac 2012

SOALAN

Dato' Dr. Haji Mohd Hayati bin Othman [
Pendang] minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan apakah tindakan Malaysia
terhadap apa yang berlaku di Syria pada
masa ini serta apakah peranan Malaysia di
dalam OIC dalam menghadapi kemelut di
negara tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pendang di atas pertanyaan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, pergolakan politik yang menjelaskan keselamatan di Syria masih berterusan. Sehingga kini Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menganggarkan hampir 7,500 orang awam telah terkorban di Syria sejak pemberontakan bermula pada 16 Mac 2011.
3. Malaysia memandang berat konflik yang semakin meruncing di Syria yang pastinya akan memberi kesan terhadap kestabilan serantau dan geopolitik dunia. Malaysia akan terus bersama-sama dengan masyarakat antarabangsa dalam mencari penyelesaian kepada konflik di Syria menerusi peringkat dua hala mahupun peringkat pelbagai hala.
4. Dalam hal ini, semasa lawatan PYT Dr. Bouthaina Shaaban, Utusan Khas kepada Presiden Syria ke Malaysia pada 10-12 Oktober 2011, Malaysia telah menyuarakan keimbangan terhadap apa yang berlaku di Syria. Selain itu, semasa Mesyuarat Terbuka Jawatankuasa Eksekutif Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) di peringkat Menteri yang diadakan di Jeddah, Arab Saudi pada 30 November 2011, Malaysia telah menyokong penuh usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Liga Arab bagi menyelesaikan krisis Syria secara damai. Malaysia turut

menyeru supaya semua pihak menggunakan dialog sebagai mekanisme untuk menamatkan kebuntuan serta mengelakkan pertumpahan darah. Justeru, adalah jelas terbukti bahawa Malaysia sentiasa komited dalam membela nasib umat Islam di seluruh dunia.

5. Malaysia juga turut menyokong resolusi Perhimpunan Agung PBB pada 16 Februari 2012 yang mempamerkan keprihatinan Malaysia terhadap keadaan di negara tersebut. Malaysia berharap Kerajaan Syria mengambil iktibar daripada resolusi UNGA yang mencerminkan kebimbangan dan harapan masyarakat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Sebagai anggota tetap Majlis Keselamatan PBB, China dan Rusia berhak menggunakan kuasa veto mereka ke atas sebarang draf resolusi Majlis Keselamatan PBB termasuk ke atas resolusi pada 4 Februari 2012.

7. Dalam hal ini, Malaysia menyokong usaha mencari jalan penyelesaian secara damai demi kepentingan rakyat Syria dan untuk keamanan dan keselamatan serantau dan antarabangsa. Ini boleh dilakukan melalui PBB dan pertubuhan kerjasama serantau seperti Liga Arab dan Majlis Kerjasama Teluk. Walau bagaimanapun, sebarang penyelesaian haruslah menghormati prinsip-prinsip demokrasi, kedaulatan dan integriti wilayah Syria, selaras dengan peruntukan Piagam PBB. Sehubungan ini Malaysia telah menyokong penubuhan satu Suruhanjaya Penyiasatan bagi menyiasat pencabulan hak asasi manusia melalui resolusi Majlis Hak Asasi Manusia pada 2 Disember

2011. Malaysia juga menolak sebarang campur tangan bersenjata di Syria.

8. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia mempunyai dasar luar yang tidak mencampuri hal ehwal dalaman sesebuah negara. Dalam hal ini, Malaysia berharap agar konflik di Syria dapat diselesaikan melalui dialog dan secara aman dan demokratik. Malaysia juga sentiasa memantau perkembangan di rantau tersebut dan mengambil langkah-langkah yang wajar demi memastikan keselamatan rakyat Malaysia di Syria.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Untuk makluman semua Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia juga masih belum mempunyai rancangan untuk mengemukakan cadangan menerusi landasan OIC supaya satu pasukan pengaman dari kalangan tentera negara-negara anggota OIC dihantar bagi menghentikan keganasan terhadap orang awam di Syria. Ini bagi mengelakkan daripada campur tangan di dalam urusan dalaman negara tersebut serta memberarkan pelan-pelan yang disediakan oleh PBB dan Liga Arab dikuatkuasakan. Malaysia juga percaya dengan pelantikan Kofi Annan, bekas Setiausaha Agong PBB sebagai Utusan Khas PBB - Liga Arab ke Syria, dapat membantu menyelesaikan konflik di negara tersebut.

Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN

**PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL
KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS** _____
(2012)

PERTANYAAN

LISAN

TARIKH

13 MAC 2012 [SELASA]

DARIPADA

Y.B. TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

SOALAN :

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Tabung Haji mengadakantawaran khas atau memberi keutamaan kepada muslimin dan muslimat yang kurang berkemampuan termasuk ibu bapa tunggal dan OKU untuk menunaikan fardhu haji sekiranya tidak, mengapa.

JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO'
SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Antara syarat wajib menunaikan fardu haji ialah mempunyai kemampuan dari segi kewangan, fizikal dan mental, ianya tetap menjadi tanggungjawab setiap bakal haji itu sendiri. Syarat ini telah dijelaskan dalam firman Allah yang bermaksud “ Allah mewajibkan manusia

mengerjakan ibadah haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadaNya” (Al-Imran:97).

Mengenai keutamaan kepada muslimin dan muslimat yang kurang upaya (OKU), sukadila dimaklumkan Tabung Haji ada memberikan keutamaan kepada Muslimin dan Muslimat yang kurang upaya (OKU) serta pembantunya untuk dipertimbangkan rayuan mereka bagi mempercepatkan tahun pemergian haji.

Bagi ibu tunggal sekiranya terpilih mengerjakan haji pada tahun semasa, mereka diberi peluang membawa mahram seperti anak lelaki, saudara lelaki sebapa atau bapanya. Manakala bagi bapa tunggal pula, tiada diberikan apa-apa keutamaan.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN

Art) ^MMT.Q-2. NO.

AUI

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR [KETEREH]

13 MAC 2012

TARIKH

4443

RUJUKAN

SOALAN:

Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah cadangan yang telah dilaksanakan daripada 125 cadangan Suruhanjaya Khas Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Nyatakan cadangan yang belum dilaksanakan dan apakah alasannya.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Ketereh yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, terdapat sebanyak 125 cadangan penamaikan oleh Suruhanjaya Diraja bagi meningkat sistem operasi dan pengurusan Polis Diraja Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 88 cadangan telahpun dilaksanakan, 25 cadangan dalam proses pelaksanaan, 1 cadangan masih di peringkat kajian dan 8 cadangan tidak dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara perkara yang menyebabkan sebahagian kecil cadangan-cadangan ini tidak dapat dilaksanakan adalah kerana ianya menyentuh beberapa aspek seperti kerahsiaan dan keselamatan negara, melibatkan kos dan peruntukan kewangan yang terlalu tinggi dan juga melibatkan pertindihan akta dan peraturan yang sedia ada.

Soalan No : 63

JAWAPAN DEWAN
PERTANYAAN

PEMBERITAHU PERTANYAAN
LISAN RAKYAT

DARIPADA

Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON
(IPOH BARAT)

TARIKH

13.03.2012

SOALAN:

Y.B. TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON [IPOH BARAT] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) bilakah dan apakah kos untuk membina enam buah sekolah Tamil Baru yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri; dan
- (b) bilangan dan sebab-sebab berlakunya kekurangan guru untuk mengajar Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil sama ada di sekolah rendah atau sekolah menengah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Buat masa ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) masih dalam proses mengenal pasti dan mengkaji kesesuaian tapak serta kos pembinaan untuk enam buah SJKT seperti yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri.
- b) Untuk makuman Ahli Yang Berhormat, kekurangan guru yang berlaku di negara ini adalah bersifat sementara dan bukan kepada semua subjek, sebaliknya berlaku kepada subjek tertentu sahaja seperti Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil. Antara punca berlakunya kekurangan guru ialah

kurangnya calon guru dalam latihan untuk subjek tersebut, faktor perpindahan, pertukaran, kenaikan pangkat, bersara, dan juga menyambung pelajaran.

Bagi mengatasi kekurangan tenaga pengajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina SJK(C) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil SJK(T), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mempromosikan kerjaya perguruan melalui aktiviti pameran, Hari Bertemu Pelanggan dan kempen bagi menarik calon untuk menjadi guru. KPM juga berusaha meletakkan maklumat terkini tentang bidang perguruan dalam laman web KPM bagi menerangkan prog ram-prog ram yang dilaksanakan di semua Institut Pendidikan Guru (IPG) seluruh negara. KPM juga telah menujuhkan Jawatankuasa Khas bagi menangani kekurangan guru di SJKC yang dipengerusikan sendiri oleh Timbalan Menteri Pelajaran 1.

SOALAN NO: 64

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN**

RAKYAT

DARIPADA **PERTANYAAN** **JAWAB LISAN**
 TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]

TARIKH **13 MAC 2012 (SELASA)**

SOALAN:

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan kriteria, garis panduan dan syarat tertentu untuk sesuatu bangunan, benda dan upacara perayaan dapat diisyihar sebagai satu warisan negara:-

- (a) terdapat berapa kategori warisan negara setakat ini yang telah disenaraikan; dan
- (b) adakah had tempoh masa untuk pensijilan warisan negara ini dan bagaimanakah dengan pengesahannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada Seksyen 67(2), Akta Warisan Kebangsaan 2005, kriteria untuk melayakkan pengisyiharan sebagai Warisan Kebangsaan adalah:

- (i) Kepentingan sejarah, hubungan dengan atau perhubungan dengan sejarah Malaysia;

SOALAN NO: 64

- (ii) Ciri-ciri reka bentuk atau estetik;
- (iii) Pembaharuan atau pencapaian saintifik atau teknikal;
- (iv) Hubungan sosial atau kebudayaan;
- (v) Potensi untuk mendidik, menjelaskan atau menyediakan penyiasatan saintifik lanjut berhubung dengan warisan kebudayaan Malaysia;
- (vi) Kepentingan dalam mempamerkan kekayaan, kepelbagaian atau integrasi bentuk yang luar biasa;
- (vii) Jarang tidaknya atau keunikan warisan semula jadi, warisan budaya ketara atau tidak ketara atau warisan kebudayaan di bawah air;
- (viii) Gambaran bentuk sesuatu tapak atau objek sebagai sebahagian daripada kelas atau jenis suatu tapak atau objek; dan
- (ix) Apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan penentuan warisan kebudayaan yang penting

Terdapat dua (2) kategori warisan iaitu:

- (1) Warisan Kebangsaan** - diisyiharkan oleh Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan; dan
- (2) Warisan** - ditetapkan oleh Pesuruhjaya Warisan.

Satu-satu warisan negara yang telah diangkat akan kekal sebagai warisan selagi mana ia memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. Untuk itu, tiada had tempoh masa tertentu yang ditetapkan selagi nilai-nilai warisan dikekalkan. ebagai makluman, proses pengiktirafan akan berjalan secara berterusan yang mana sesiapa pun boleh mencalonkan pengiktirafan. Borang permohonan boleh diperolehi secara terus daripada laman web www.heritage.gov.mv.

SOALAN NO.65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN JOHN A/L FERNANDEZ
 [SEREMBAN]

TARIKH 13 MAC 2012

SOALAN:

TUAN JOHN A/L FERNANDEZ minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah pihak Kerajaan bersedia untuk mewajibkan kesemua calon tidak kira dari pihak Kerajaan atau pihak Pembangkang yang bakal bertanding pada Pilihan Raya Umum ke- 13 akan datang untuk mengisytiharkan harta mereka kepada umum sebelum hari penamaan calon.

|

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

SOALAN N0.65

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk mewajibkan kesemua calon yang bakal bertanding pada Pilihan Raya Umum ke-13 akan datang untuk mengisytiharkan harta mereka kepada umum sebelum hari penamaan calon. Ini kerana tidak ada peruntukan undang-undang yang mewajibkan calon mengisytiharkan harta mereka kepada umum.

Ini memandangkan peruntukan yang sedia wujud seperti Perlembagaan Persekutuan, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5), Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 dan seumpamanya, telah digubal untuk memastikan pilihan raya bersih daripada sebarang penyelewengan dan rasuah.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 67

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : TUAN WEE CHOO KEONG [WANGSA MAJU]

TARIKH : 13 MAC 2012

SOALAN

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah hasil siasatan oleh SPRM terhadap skandal “sand mining” yang terlibat Kumpulan Semesta Sdn Bhd dan bekas pengarahnya, En Wong Swee Leong, di negeri Selangor.

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua,

Siasatan SPRM terhadap isu “sand mining” (dengan izin) yang melibatkan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. telah pun diselesaikan. Sebanyak dua Kertas Siasatan telah dibuka dan hasilnya seorang pegawai Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. telah dituduh di mahkamah.

Manakala bagi kes yang kedua, Kertas Siasatan tersebut telah disemak oleh Panel Penilaian Operasi SPRM dan telah dikemukakan semula kepada Pejabat Pendakwaraya untuk kajian semula.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

Sekian, terima kasih.

Mr Siti LANi^

NO AUjyU:Tt-

•^NO AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]

TARIKH : 13 MAC 2012

RUJUKAN 4444

SOALAN :

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- (a) pihak manakah dan sebab apa meminta Kerajaan Malaysia menghantar pulang Hamza Kashgari walaupun tidak dikehendaki oleh Interpol; dan
- (b) mengapakah Kerajaan Malaysia tidak menghantar balik beliau ke Jordan iaitu tempat asal penerbangan.

JAWAPAN :
Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang muiia ini, untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat berkenaan soalan (a), Kerajaan Malaysia bertindak mengusir Hamza Kashghari Mohamed Najeeb setelah beliau dikehendaki oleh pihak berkuasa di negara asalnya iaitu Arab Saudi.

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat berkenaan soalan (b), tindakan untuk menghantar pulang Hamza Kashghari Mohamed Najeeb ke Arab Saudi adalah kerana permintaan daripada kerajaan Arab Saudi.

SOALAN NO

LISAN

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
YBM. TAN SRI TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU HAMZAH**

GUAMUSANG 13 MAC 2012 (SELASA)

PERTANYAAN

DARIPADA

SOALAN:

KAWASAN

TARIKH

YBM. TAN SRI TENGKU RAZALEIGH BIN

TENGKU HAMZAH (GUA MUSANG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan bila agaknya masa membina Lebuh Raya (*Dual Carriage Highway*) di Pantai Timur untuk menghubungi Kota Bharu dengan Kuala Krai, Kuala Lipis, Karak dan seterusnya ke Kuala Lumpur.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua;

Kerajaan sentiasa memberikan tumpuan bagi meningkatkan rangkaian aksesibiliti jalan yang menghubungkan kawasan Pantai Barat dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Sehubungan itu, Kerajaan bersetuju dengan cadangan untuk membina dan menaik taraf jalan Persekutuan *Central Spine* dari Kota Bharu, Keiantan melalui Kuala Krai dan Gua Musang hingga ke Simpang Pelangai Bentong, Pahang, jarak jajaran keseluruhan ialah sepanjang 463.5 kilometer. Antara jalan Persekutuan yang terlibat dengan laiuhan projek ini ialah jalan Persekutuan 8 (FT08) dan sebahagian dari jalan Persekutuan 9 (FT09). Projek ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat, tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Mulia, jabatan Kerja Raya (JKR) telah membahagikan pelaksanaan jajaran projek *Central Spine* ini kepada 2 segmen, iaitu segmen projek pelebaran jalan Persekutuan *Central Spine* dari Kuala Krai, Keiantan ke Simpang Pelangai, Pahang sepanjang 390 kilometer manakala segmen kedua pula ialah dari Kuala Krai ke Kota Bharu, Keiantan sepanjang lebih kurang 73.5 kilometer. Bagi segmen dari Kuala Krai ke Simpang Pelangai, projek berkenaan sedang dilaksanakan oleh jKR di bawah program pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Timur (ECER). Skop projek ini melibatkan cadangan membina jalan baru dan menaik taraf jalan sedia ada kepada jalan empat lorong dua hala (*dual two carriageway*) dengan reka bentuk piawaian jKR R5. Projek ini akan dibuat secara berperingkat bermula dari RMKe-10 di mana keutamaan Kerajaan ialah untuk melaksanakan sebahagian dari Paket 3 (Gua Musang ke Kg. Relong) dan sebahagian dari Paket 5 (Raub ke Bentong). Bagi paket-paket lain, pelaksanaan fizikal projek dijangka akan dimulakan dalam tempoh RMKe-11.

Manakaia bagi segmen jalan Persekutuan dari Kota Bahru ke Kuala Krai, pelaksanaan projek pada peringkat awalnya telah pun diluluskan dalam RMKe-9. Skop projek asal ialah membina jalan baru empat lorong dua hala sepanjang 73.5 kilometer dengan piawaian JKR R5. Walau bagaimanapun, berikutan kos projek yang terlalu tinggi, Kerajaan telah memutuskan supaya skop projek berkenaan diteliti semula termasuk cadangan kemungkinan untuk menaik taraf jajaran jalan Persekutuan 8 (FT08) yang sedia ada. Dalam masa yang sama, Kerajaan juga melalui Unit Kerjasama Awam dan Swasta (UKAS) sedang mempertimbangkan cadangan projek ini untuk dilaksanakan menerusi kaedah penswastaan. Walaupun begitu, keputusan untuk meiaksanakannya sama ada menerusi kaedah konvensional atau penswastaan akan ditentukan oleh Jemaah Menteri.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 70

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.

SANTIAGO

TARIKH: 13 MAC 2012

SOALAN:

Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago [Klang] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan mengapa Maybank Non-Executive Workers Unions (In-house union) didaftarkan oleh Kerajaan, walhal ada satu kesatuan sekerja yang sedia ada mewakili pekerja kategori yang sama di bank yang sama. Bukanlah pendaftaran ini melanggar undang-undang.

PR-1251-L47518

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seksyen 12(2) Akta Kesatuan Sekerja 1959 (Akta 262), menyatakan bahawa Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja (DGTU) mempunyai kuasa budi bicara sama ada untuk mendaftarkan atau menolak untuk mendaftarkan sesebuah kesatuan sekerja jika dia telah berpuashati bahawa telah ada suatu kesatuan sekerja yang mewakili orang-orang kerja dalam penubuhan, tred, pekerjaan atau

industri. Dalam menggunakan kuasa budi bicara, DGTU perlu menimbangkan sama ada menjadi kepentingan kepada pekerja-pekerja untuk mewujudkan sebuah kesatuan sekerja yang lain untuk mewakili mereka.

2. Seksyen 11, Akta Perhubungan Perusahaan 1967(Akta 177) memperuntukkan bahawa walaupun telah wujud satu kesatuan sekerja (in-house atau kebangsaan) di sesebuah syarikat bagi mewakili pekerja-pekerja dalam merundingkan perjanjian kolektif, satu kesatuan sekerja yang lain boleh menuntut pengiktirafan bagi kategori pekerja yang sama selepas 3 tahun pengiktirafan diberi kepada kesatuan sekerja terdahulu atau kesatuan sekerja tersebut tidak lagi wujud.

3. Jika terdapat dua kesatuan yang mewakili kumpulan pekerja yang sama, penentuan adalah ditetapkan di bawah seksyen 15(2) Akta Kesatuan Sekerja 1959 (Akta 262). Dalam keadaan ini satu undi rahsia perlu dijalankan dan semua pekerja-pekerja akan diberi peluang untuk memilih kesatuan yang akan mewakili mereka dalam perjanjian kolektif.

4. Sekiranya Kesatuan Sekerja Kebangsaan mendapat majoriti kesannya adalah Kesatuan Sekerja *Establishment (in-house)* boleh dibatalkan sebagaimana peruntukan di bawah Seksyen 15(2)(a) Akta Kesatuan Sekerja 1959 (Akta 262). Sekiranya Kesatuan Sekerja *Establishment (in-house)* yang mendapat majoriti, maka DGTU boleh mengeluarkan satu perintah untuk mengeluarkan ahli atau memotong nama di dalam daftar ahli Kesatuan Sekerja Kebangsaan. Perintah ini

1959(Akta 262).

5. Dalam kes MAYNEU, pekerja-pekerja Maybank Berhad telah menganggotai dan diwakili oleh satu kesatuan kebangsaan iaitu NUBE. Namun begitu pekerja-pekerja Maybank Berhad berhasrat untuk menubuhkan satu kesatuan dalaman (*in-house*) kerana mendakwa bahawa mereka boleh memperjuangkan hak-hak di Maybank Berhad dengan lebih efektif. Ini adalah kerana Maybank Berhad memperolehi keuntungan yang tertinggi diantara tiga bank terbesar di Malaysia. Oleh itu, penubuhan MAYNEU adalah khas untuk pekerja-pekerja bukan eksekutif Maybank Berhad dan MAYNEU akan berusaha untuk memperoleh faedah-faedah yang lebih bermanfaat kepada ahli-ahlinya.
6. Pendaftaran MAYNEU adalah selaras dengan fasal 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan dan ILO Convention No.98 Article 2. (1)77?e *Right to Organize and Collective Bargaining.*
7. DGTU telah mendaftarkan MAYNEU pada 3.1.2011 sebagai sebuah kesatuan sekerja *establishment* bukannya kesatuan sekerja berdasarkan industri (Kesatuan Sekerja Kebangsaan) sebagaimana kedudukan NUBE. Oleh itu, skop keanggotaan MAYNEU dan skop keanggotaan NUBE adalah berbeza diantara satu sama lain.
8. Di bawah Seksyen 71A Akta Kesatuan Sekerja 1959 (Akta 262) memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang tidak berpuashati dengan keputusan Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja boleh membuat rayuan kepada Menteri.
9. Dalam hal ini, Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Bank (NUBE) telah memfailkan kes rayuan ke Mahkamah Tinggi pada

8.2.2011, membantah pendaftaran Kesatuan Pekerja-pekerja Bukan Eksekutif Maybank Berhad (MAYNEU) dan Mahkamah Tinggi pada 24.8.2011 telah menolak permohonan NUBE. NUBE kemudian telah mengemukakan kes ke Mahkamah Rayuan pada 25.8.2011 dan kes tersebut sekali lagi telah ditolak oleh Mahkamah Rayuan 21.1.2012. NUBE selanjutnya telah memfailkan rayuan ke atas keputusan tersebut di Mahkamah Persekutuan yang mana akan diputuskan untuk didengar pada 19.4.2012.

Soalan No : 71

DEWAN PERTANYAAN **LISAN RAKYAT** **PEMBERITAHU PERTANYAAN**

DARIPADA **Y.B. TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK
(LUBOK ANTU)**

TARIKH **13.03.2012**

SOALAN:

Y.B. TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK [LUBOK ANTU] minta Menteri Pelajaran menyatakan kenapa pembinaan Ibu Pejabat Pelajaran Daerah Lubok Antu tidak diberi peruntukan dalam RMK-10 sedangkan bangunan yang ada sekarang adalah berbentuk sementara serta kecil dan ia tidak dapat lagi menampung keperluan kakitangan yang banyak bersesak-sesak memberi keadaan yang tidak kondusif untuk mereka yang bertugas.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dengan aduan yang dikemukakan demi untuk menambahbaik pendidikan negara. Berhubung dengan pembinaan Ibu Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Lubok Antu, dimaklumkan bahawa setakat ini tiada permohonan diterima bagi projek pembinaan Ibu Pejabat Pelajaran Daerah Lubok Antu dalam *Rolling Plan Ketiga (RP3) RMKe- 10*. Sehubungan dengan itu, sekiranya terdapat keperluan mendesak, pihak PPD daerah berkaitan atau Jabatan Pelajaran Negeri boleh mengemukakan kertas cadangan untuk penelitian pihak Kementerian.

SOALAN NO : 72

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
[KUALA SELANGOR]**

TARIKH 13 MAC 2012

SOALAN

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah ciri-ciri utama Skim Insurans Kesihatan Nasional yangtelah pun banyak dibicarakan dalam media perdana dan media baru, tetapi masih tidak diperjelaskan oleh pihak Kementerian. Sejauh manakah pandangan dan konsultasi berlaku dengan rakyat dan seluruh 'stakeholders' yang lain dalam merumuskan skima ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

1Care adalah cadangan penstruktur semula sistem kesihatan negara yang masih dalam peringkat cadangan awal. Tujuannya adalah untuk mengukuhkan sistem kesihatan Malaysia, supaya semua rakyat boleh mendapatkan rawatan kesihatan berkualiti. Cadangan ini masih lagi di peringkat konsep dan Kerajaan belum mengambil sebarang keputusan mengenai perkara-perkara ini. Pelbagai aspek persediaan mengenai 1Care sedang diperincikan dengan mengambil kira cadangan dan input dari pelbagai pihak yang berkepentingan (*stakeholders*). Dari tahun 2009 sehingga 2011, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengadakan sebanyak 56 perbincangan, bengkel, seminar, persidangan dan forum bersama organisasi bukan Kerajaan (NGO), pihak akademik serta wakil komuniti bagi tujuan tersebut. KKM sentiasa mengalu-alukan sumbangan idea dan maklumbalas mengenai bagaimana sistem kesihatan Negara boleh diperkuuhkan lagi.

Dalam usaha mempertingkatkan sistem kesihatan Negara melalui penstruktur semula ini, Kerajaan bertujuan memastikan:

- i) rakyat boleh mendapatkan penjagaan kesihatan yang berkualiti tanpa mengira tahap usia dan tahap kesihatan;
- ii) rakyat boleh membuat pilihan untuk mendapatkan rawatan di klinik dan hospital swasta atau awam tanpa mengira tahap kemampuan mereka;
- iii) rakyat boleh mendapatkan penjagaan kesihatan berhampiran dengan tempat tinggal atau tempat kerja mereka;
- iv) rakyat boleh memilih doktor keluarga masing-masing dan boleh

menukarnya sekira perlu. Doktor keluarga ini akan lebih mengenali dan memahami masalah kesihatan setiap individu dan keluarga mereka serta membantu mereka terus mendapatkan penjagaan kesihatan sepanjang hayat;

- v) rakyat tidak perlu bimbang mengenai bayaran semasa mereka mendapatkan rawatan yang mereka layak;
- vi) Kerajaan akan terus membiayai penjagaan kesihatan untuk rakyat miskin;
- vii) sumbangan untuk keperluan penjagaan kesihatan tidak akan membebankan rakyat; dan
- viii) rakyat tidak akan mengalami masalah kewangan atau jatuhan miskin kerana membiayai rawatan kesihatan.

Dalam usaha meningkatkan perkhidmatan dan kualiti penjagaan kesihatan untuk mengutamakan keperluan rakyat, Negara menghadapi pelbagai isu dan cabaran yang perlu ditangani. Di antara isu-isu ini termasuklah kewujudan dua sektor penjagaan kesihatan yang berbeza iaitu sektor awam dan swasta yang memberi impak ke atas kualiti penjagaan kesihatan. Perbezaan yang ketara adalah dari segi infrastruktur seperti fasiliti dan peralatan kesihatan, amalan klinikal dan kompetensi anggota profesional dan juga sokongan. Perbezaan ini memberi kesan kepada persepsi kualiti perkhidmatan dan keselamatan pesakit.

Pada masa ini, terdapat perbezaan dan ketidakseimbangan sumber manusia dan bebanan kerja di antara sektor awam dan swasta. Walaupun

terdapat rangkaian fasiliti kesihatan yang meluas di Malaysia, namun taburannya masih tidak seimbang. Kemudahan fasiliti swasta lebih tertumpu di kawasan bandar dan perkhidmatan pakar juga lebih banyak terdapat di bandar-bandar utama. Oleh itu, masyarakat luar bandar tidak menerima tahap perkhidmatan yang setara dengan masyarakat yang tinggal di bandar. Ini menyumbang kepada ketidaksamaan pencapaian tahap kesihatan di antara penduduk bandar dan luar bandar. Sejak merdeka, Negara telah mencapai banyak kejayaan dalam meningkatkan tahap kesihatan rakyat, namun kini, indikator-indikator kesihatan tidak banyak berubah dan tidak menunjukkan peningkatan tahap kesihatan ketara untuk beberapa tahun kebelakangan ini, berbanding negara-negara lain.

Di sektor swasta, pesakit bebas mendapatkan rawatan dari mana-mana peringkat penjagaan kesihatan tanpa dirujuk. Amalan *doctor-hopping* di kalangan pesakit adalah membimbangkan dan perlu diberi perhatian kerana ia tidak menggalakkan amalan penjagaan kesihatan yang berhemah dan baik. Ini menjadi lebih genting lagi dengan peningkatan bilangan penduduk warga emas dan juga perubahan corak dan beban penyakit di Malaysia. Pada masa ini, penyakit kronik seperti darah tinggi, kencing manis dan kanser semakin meningkat. Kedua-dua situasi ini memerlukan rawatan jangka panjang bersama doktor yang benar-benar memahami keperluan kesihatan pesakit secara berterusan.

Memandangkan bilangan pesakit yang menggunakan hospital awam semakin bertambah, tidak hairanlah kesesakan adalah satu isu yang merumitkan usaha Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih

selesa kepada pesakit dan pelawat. Dalam situasi ini, timbul ketidakpuasan dari pelanggan dan anggota fasiliti tersebut. Aduan yang kerap diterima oleh KKM adalah waktu menunggu yang panjang bagi mendapatkan rawatan di setiap peringkat penjagaan kesihatan.

Keadaan tempat kerja yang kurang memuaskan, beban kerja yang tinggi dan ganjaran yang tidak setimpal menyumbang kepada penghijrahan pakar, doktor dan anggota kesihatan terlatih dari sektor awam ke sektor swasta dan ke luar negara. Pada masa yang sama, walaupun perkhidmatan penjagaan kesihatan yang diberikan tidak mencapai tahap kualiti yang sepatutnya, caj rawatan tinggi masih akan dikenakan di sektor swasta.

Walaupun rakyat telah banyak mendapat manfaat daripada sistem kesihatan yang dibiayai oleh Kerajaan, namun, proses menyasarkan sumber kewangan awam adalah kurang cekap. Golongan yang berkemampuan turut mendapat faedah dari perkhidmatan kesihatan awam yang kosnya dibiayai oleh Kerajaan. Jadual Fi yang dikenakan amat rendah kerana subsidi yang diberi oleh Kerajaan, walaupun bagi mereka yang berkemampuan. Ini menyumbang kepada ketirisan subsidi Kerajaan.

Sistem pembiayaan kesihatan sedia ada mungkin tidak mampu bertahan dengan peningkatan pesat dalam perbelanjaan penjagaan kesihatan dan kadar perbelanjaan wang saku (*out-of-pocket*) yang tinggi. Kekerapan liputan media meminta bantuan kewangan bagi membiayai kos rawatan menunjukkan kelemahan sistem pembiayaan kesihatan sekarang.

Dengan kesedaran mengenai isu-isu dan cabaran yang dihadapi oleh

sistem kesihatan Negara, pihak KKM telah banyak meneliti pelbagai pilihan bagi memastikan sistem kesihatan Negara kekal relevan, lebih berkualiti dan memenuhi keperluan penduduk. Kini KKM sedang menyediakan cadangan awal pelan penstrukturran semula sistem kesihatan dengan mengambil kira isu yang dinyatakan di atas. Dalam hal ini, KKM mengalukan sumbangan idea dan maklumbalas mengenai bagaimana sistem kesihatan Negara boleh diperkuuhkan lagi.

p

!

!

